

Bab Satu

Teori dan Kaedah

1.0 Latarbelakang Kajian

Para ulama sepakat menyatakan bahawa melaksana undang-undang Islam adalah wajib dalam sesebuah negara.¹ Banyak ayat al-Qur'an yang menyatakan kewajipan tersebut.² Seiringan dengan itu Allah swt menyatakan mereka yang enggan melaksana undang-undang dan hukum Allah swt sebagai kafir,³ zalim,⁴ fasiq,⁵ syirik,⁶ dusta,⁷ berhukum dengan thagut,⁸ dan tidak beriman dengan Nya.⁹

¹ Antara mereka yang mengatakan demikian ialah Abdul Rahman bin Khaldun, Ibn Khaldun, Muqaddimah, Kaherah: al-Matba'ah al-Azhariyah, 1930, hal. 158 - 159. Lihat juga al-Mawardi, Ahkam al-Sultaniah, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halaby, 1960, hal. 15; Dr Muhammad Abdullah al-'Araby, Nizam al-Hukm fi al-Islam, Kaherah: Dar al-Fikr, 1968, hal 88; dan Abi Ya'la Muhammad bin Hussain al-Farra', al-Ahkam al-Sultaniyah, Kaherah: Matba'ah al-Halabi, 1966, hal. 77.

² Antara sebahagian ayat al-Qur'an yang menjelaskan secara khusus perintah untuk melaksanakan kewajipan ini ialah Q; al-Nur (24): 1, 47 - 50. Q; al-Baqarah (2) : 178, 85 - 86, 213, 278 - 279. Q; al-Maedah (5) : 48, 49. Q; al-Jathiyah (45) : 18. Sementara ayat yang menyentuh perintah Allah swt secara tidak lansung terdapat dalam firman Allah swt seperti Q; al-Syura (42):10, 13, 15, Q; al-Jathiyah (45) : 18, Q; al-Baqarah (2) : 208, Q; Muhammad (47) : 8 - 9, Q; al-Nahl (16) : 116, Q; al-Maedah (5) : 50, Q; dan al-Nisa' (4) : 61.

³ Q; al-Maedah (5) : 4.

⁴ Q; al-Maedah (5) : 45.

⁵ Q; al-Maedah (5) : 47.

⁶ Q; Ali Imran (3) : 64, al-An'am (6) : 148, al-Nahl (16) : 35.

⁷ Q; al-Nahl (16) : 106, 116.

⁸ Q; al-Nisa' (4) : 60.

⁹ Q; al-Nisa' (4) : 65.

Dari aspek sejarah, undang-undang Islam pemah dilaksanakan sepenuhnya, bermula pada zaman Rasulullah saw sehingga sampai ke akhir pemerintahan Kerajaan Islam Uthmaniyyah di Turki.¹⁰ Dalam masa yang panjang itu, undang-undang Islam telah mengalami pelbagai corak pendekatan dan method pelaksanaan. Ia bermula daripada sebuah corak sistem undang-undang yang mudah dan dilaksanakan secara faundamental (asas) pada masa Rasulullah saw dan Khulafa' al-Rasyidin kepada undang-undang yang kompleks dan rencam.¹¹

Undang-undang Islam yang diasaskan oleh Rasulullah saw mula diketepikan oleh umat Islam khususnya dalam bidang politik. Kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah dari segi politik membawa juga kepada kejatuhan institusi perundangan Islam yang sebelum ini menjadi teras kepada sistem perundangan negara. Akibat kejatuhan itu undang-undang Islam bukan sahaja telah kehilangan kewibawaan sebagai undang-undang yang berdasarkan kepada syariat Allah swt dan bersendikan kepada tafsiran fuqaha', tetapi juga telah hilang kewibawaannya sebagai undang-undang yang mampu mentadbir dan mengawal institusi pemerintahan. Kehilangan wibawa ini telah membolehkan peluang oleh kuasa-kuasa lain menggangu kesucian dan kemumian undang-undang Islam. Dengan kepintaran dan kekuatan dalam bidang politik serta kekuatan intelektualisme, mereka telah berjaya melemahkan kedudukan undang-undang Islam. Kelemahan umat Islam sendiri dalam banyak perkara khususnya aspek ilmu, kerjasama dan perpaduan mengundang kuasa-kuasa luar meminggir undang-undang Islam dari kedudukannya sebagai undang-undang negara dan hanya diperuntukkan bagi hal-hal yang berhubung dengan diri dan kekeluargaan sahaja.¹²

¹⁰ N J Coulson, A History Of Islamic Law, Edinburgh: The University Press, 1964, hal. 166

¹¹ Pada peringkat permulaan, kuasa dan peranan penafsiran hukum dan pelaksanaannya dalam bentuk undang-undang terkumpul pada Rasulullah saw. Sebagai seorang Rasul baginda telah menafsirkan hukum berdasarkan syariat yang amat arif bagi baginda. Sebagai pemerintah baginda juga memprundangkan nilai-nilai syariat yang ditafsirkan ini melalui pelbagai arahan. Perkara yang sama juga berlaku kepada al-Khulafa al-Rashidin. Lihat Muhammad Abdullah al-'Araby, op.cit., hal. 80.

¹² Lihat N J Coulson, op.cit., hal. 163 - 181.

Barat juga telah berjaya menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam tentang keupayaan undang-undang Islam menyelesaikan sebarang persoalan yang timbul. Sikap ini wujud berpunca daripada kelemahan umat Islam yang saling bersengketa sesama sendiri dan keengganan para ulama melakukan ijihad dalam membina hukum-hukum baru yang sesuai dengan kehendak semasa. Akhirnya kekosongan yang berlaku dalam bidang ijihad telah mempertingkat kritikan barat terhadap undang-undang Islam kerana tidak sesuai dengan perkembangan semasa. Kedudukan ini amat mudah difahami sebab apabila gerakan ijihad beku sudah pastilah keperluan masyarakat kepada kehendak hukum tidak sesuai lagi¹³. Situasi ini menyebabkan bukan sahaja masyarakat bukan Islam tidak menyakini keupayaan undang-undang Islam tetapi juga berlaku di kalangan umat Islam sendiri.¹⁴ Cara hidup Barat telah berjaya mencorak nilai budaya, pemikiran dan cara hidup orang Islam sehingga memaksa negara-negara umat Islam menyesuaikan diri dengan undang-undang Barat.¹⁵

Penjajahan Barat telah membawa pelbagai akibat terhadap umat Islam. Barat dengan kuasa yang mereka miliki telah menggantikan sistem pemerintahan dan undang-undang tradisi kepada undang-undang sekular. Sekalipun negara umat Islam mencapai kemerdekaan tetapi pengaruh pemikiran Barat tetap terpasak dalam hati nurani umat Islam. Lord Cormer mengatakan:

¹³ J Schact, An Introduction To Islamic Law, London: tanpa tempat, 1964, hal. 69.

¹⁴ "Oleh kerana undang-undang Syariah mengalami kemunduran yang asasi dan teori taqlid bertapak dengan kuatnya, satu konflik yang tidak boleh diselesaikan telah berlaku antara undang-undang klasik tersebut dan keperluan masyarakat Islam yang sedang berusaha membangun dirinya berdasarkan taraf dan nilai Barat. Hasilnya tidak ada jalan lain lagi bagi masyarakat tersebut kecuali meninggalkan syariah dan menggantikannya dengan undang-undang Barat dibidang yang dirasakan oleh Islam amat perlu dalam usaha permodenan." Lihat N J Coulson, op.cit. 1964, hal. 149 - 150.

¹⁵ Lihat Ahmad Svalabi, Mausu'ah al-Tarikh al-Islam, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, jld. 5, 1967, hal. 528

It is nothing less than this, that the new generation Egyptians has to be persuaded or forced into imbibing the true spirit of western civilization¹⁶

Secara sedar Barat berpuas hati kerana kemerdekaan diberi kepada mana-mana negara jajahan, sebenarnya mereka menyerahkan kuasa kepada pewaris yang bakal menentukan kesinambungan sistem yang diperkenalkan. Lord Cromer menjelaskan;

England was prepared to grant political freedom to all her colonial possession as soon as generation of intellectuals and politicians imbued through English education with the ideals of English culture ready to takes over¹⁷

Dalam ertikata lain Barat telah berjaya `membaratkan` masyarakat pribumi walaupun bentuk dan rupa parasnya masih tetap pribumi. Kata Lord Macaulay

We must do our best from a class who may be interpreters between us and the millions whom we govern all class of persons Indians in blood and colour but English in taste, in opinion, in moral and in intellect...¹⁸

Contoh yang ketara dapat dilihat berlaku di Turki. Ziya Gokalp seorang tokoh Turki Moden menjelaskan, semua perkara berhubung dengan permoden Turki mestlah

¹⁶ Lord Cormer, Modern Egypt, New York: 1908, hal. 565.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Khurshid Ahmad, Islam And The West, Lahore: Islamic Publications, 1979, hal. 10.

mengadaptasi apa yang ada di Barat sama ada dalam bidang tentera, sains dan industri¹⁹

Malah lebih jauh Ziya Gokalp mencadangkan supaya Islam itu ‘di Turkikan’.²⁰

Pengaruh undang-undang Barat bukan sahaja berlaku di Turki tetapi juga terjadi kepada negara-negara Islam lain.²¹ Ini berlaku berkait rapat dengan dasar penjajahan yang diamalkan oleh negara-negara penjajah Barat yang tidak mahu kuasa mereka dicabar. Mereka bukan sahaja berjaya mengaut keuntungan ekonomi, tetapi juga berjaya mempengaruhi budaya dan pemikiran umat Islam dan mengagungkan mereka dalam setiap perkara. Dalam ertikata lain Barat telah berjaya meninggalkan bibit-bibit kebaratannya dalam hati nurani umat peribumi mewarisi kekuasaan negara. Mereka inilah yang meneruskan tradisi kebaratan itu dalam sistem pemerintahan dan perundangan. Pengaruh Barat bukan lagi satu rahsia di kalangan umat Islam, khususnya dalam bidang perundangan. Pemisahan Mahkamah Sivil daripada Mahkamah Syariah sudah menjadi kebiasaan kerana kedua-duanya berbeza dari aspek batas kuasa dan kewibawaan.

Misalnya di Malaysia Mahkamah Sivil boleh merungkai keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Hooker menulis satu sifat penting dalam Enakmen 1925 Kelantan ialah bahawa Mahkamah Tinggi diberikan bidang kuasa asal yang tidak terhad dalam semua hal sivil dan jenayah termasuk hal-hal yang pada kebiasaannya tunduk dalam bidang kuasa Mahkamah Mufti dan Mahkamah Kadi, misalnya apabila tuntutan melebihi had denda yang ditetapkan untuk mahkamah tersebut²² Ini dapat dilihat dari kes Maryiam Vs Mohd Ariff yang

¹⁹ Ziya Gokalp, Turkish Nationalism and Western Civilization, London: 1959, hal. 276.

²⁰ Muhammad Rashid Feroz, Islam and Secularism in Post Kamalist Turkey, Islamabad: Islam Research Institut, 1976, hal. 70 - 71.

²¹ Seperti Mesir yang bermula tahun 1830. Lihat Anwan Jundi, Sumum al-Isytiqra' wa al-Mustasyiqin, Kaherah: al-Turath al-Islami, tanpa tarikh, hal 103. Di Sudan paling awal 1860.. Lihat N J Coulson, op.cit., hal. 156. Di Iraq sehingga 1885., Lihat Ali Rasyid, op.cit., hal. 96 - 102.. Sementara di Morocco undang-undang Islam disingkirkan sejak dari tahun 1913., Lihat Coulson,op.cit., hal. 156 - 157.. Di Nigeria undang-undang Islam dapat bertahan sehingga 1912 . Lihat Coulson, hal. 159

²² Lihat Hooker, op.cit., hal 171.

berlaku di Selangor. Kes ini berkaitan dengan tindakan seorang ibu untuk mendapatkan hak penjagaan anak. Sebelum ini pihak ibu telah bersetuju supaya hak menjaga anak diberikan kepada bapa setelah dipersetujui di hadapan kadi, dibuat melalui Seksyen 46 [1] [b] Enakmen Pentadbiran Islam Selangor. Kes ini telah dirujuk di Mahkamah Tinggi dalam seksyen 46[1](b) 111. Enakmen ini memperuntukkan * rayuan tidak boleh dibuat terhadap keputusan Kadi yang dibuat dengan keizinan. Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi telah menafsirkan ungkapan tersebut hanyalah perkara yang berhubung dengan soal nafkah dan bukan soal hak penjagaan anak. Berdasarkan sekatan ini mahkamah memutuskan bahawa rayuan boleh dibuat..²³

Di bawah pengaruh undang-undang Barat, undang-undang Islam tidak lagi berdasarkan sepenuhnya kepada keunggulan syariat Allah swt. Undang-undang Islam hanya diperuntukkan dalam bidang-bidang tertentu sahaja, seperti dalam soal undang-undang diri. Kata Hooker pandangan telah membentuk serta menakrif bidang kuasa Mahkamah Kadi termasuk 1) Bahagian Sivil iaitu pertunangan, perkahwinan, penceraian, pembatalan perkahwinan, perpisahan yang diputuskan oleh Mahkamah, tuntutan harta sepencarian, nafkah dan tanggungjawab, kesahan taraf penjagaan dan hak penjagaan bayi, penentuan orang yang berhak menerima bahagian harta pusaka, pemberian dan wakaf. 2] Bahagian Jenayah iaitu kesalahan suami isteri, tingkah laku seksual yang menyalahi undang-undang termasuk berkhalwat, minum arak, menyebar ajaran salah, gagal membayar zakat dan fitrah, tidak hadir solat Jumaat, melanggar peraturan puasa dalam bulan Ramadan. Berdasarkan peruntukan itu, undang-undang Islam yang ditakrif mencakupi bidang kehidupan dan kegiatan manusia, telah tidak diperuntukkan di dalamnya, kerana terdapat pada sesetengah peruntukan di dalamnya sudahpun terpengaruh dengan undang-undang Barat. Akibatnya undang-undang yang wujud itu tidak begitu unggul dari aspek *maraj' / usul* ' [rujukan berautoriti]. Akhirnya undang-undang Islam di negara umat Islam umumnya dan di Malaysia khususnya begitu kerdil berbanding dengan undang-undang kovensional yang dilaksanakan sebagai undang-undang awam. Nyata sekali

²³ Ibid. hal. 172

undang-undang Islam hanya dilihat sebagai undang-undang agama yang terbatas, yang tidak mampu untuk menangani masalah-masalah baru dalam masyarakat.

Keunggulan undang-undang Islam hanya dilihat dari aspek teori, tidak dan aspek praktikal. Jurang antara teori dan praktik begitu ketara, secara teori kebanyakan umat Islam memperakui undang-undang Islam adalah undang-undang yang lengkap, bersifat universal dan mampu menyelesaikan segala permasalahan. Tetapi pada realitinya undang-undang tersebut tidak dapat dilaksanakan di dalam negara Islam. Meskipun dapat dilaksanakan, undang-undang Islam yang ada sekarang di Malaysia contohnya hanya untuk orang-orang Islam sahaja,²⁴ dan peruntukan-peruntukan yang ada di dalamnya pula tidak mencakupi undang-undang Islam sebenar. Yang ada di dalamnya masih berdasarkan kepada tafsiran-tafsiran lama dan tidak berdasarkan kepada realiti semasa. Kesan daripada itu, peruntukan-peruntukan yang dilaksanakan itu bukan sahaja tidak melambangkan keunggulan syariat Islam, sebaliknya meletakkan syariat Islam itu sendiri pada kedudukan yang terasing. Tambahan pula, sikap acuh tak acuh di kalangan pemimpin negara dengan undang-undang Islam, telah mengundang pelbagai reaksi di kalangan masyarakat. Ada di kalangan mereka beranggapan kerajaan tidak berminat untuk merealisasikan undang-undang Islam. Ada pula yang melihat tindakan yang dilakukan itu sebagai satu strategi kerajaan dalam usaha mencari pendekatan yang sesuai dalam melaksanakannya.

Permasalahan ini telah mendorong umat Islam berbeza tanggapan terhadap nilai keunggulan undang-undang Islam. Pada satu pihak iaitu golongan yang mendokong cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam, melihat undang-undang Islam dari sudut teori dan idealisme. Mereka menuntut pelaksanaannya sebagaimana adanya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, sehingga melupakan aspek realiti, politik dan budaya masyarakat. Bagi mereka, undang-undang Islam adalah syariat yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dalam segala bentuk dan rupanya yang lengkap dan sempurna. Malah paling ketara golongan ini hanya merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang telah ditulis sejak berabad-abad lamanya sebagai ulasan atau tafsiran yang

²⁴ M B Hooker. Islamic Law in South – Asia. Singapore: Oxford University, 1984, hal. 135 - 143.

tetap, nilainya yang murni dan bersifat *Mugaddas* (suci) iaitu tidak perlu mencungkil sesuatu yang baru.²⁵ Golongan ini akan sentiasa melaungkan keunggulan dan kemurnian undang-undang Islam dan penafian terhadapnya bererti menafikan keunggulan syariat Islam dicap sebagai anti Islam.

Pada pihak lain wujud golongan yang bersikap sinis terhadap undang-undang Islam khususnya mereka yang mendapat pendidikan sekular. Kebanyakan mereka melihat sesuatu isu berdasarkan kepada kenyataan yang ada di hadapan mereka tanpa melihat kepada tradisi umat dan amalan undang-undang sebelumnya. Golongan ini bertindak memisahkan agama daripada undang-undang atas alasan bahawa agama hanyalah menyentuh soal akhirat dan alam ghairiyat, serta amalan-amalan yang berhubung dengannya. Sementara undang-undang yang mengatur kehidupan manusia pada keseluruhannya tidak ada hubungannya dengan undang-undang Islam. Dalam ertikata lain, syariat dan negara adalah dua institusi yang tidak boleh disatukan kedalam satu gagasan sistem pemerintahan. Kerana itu kalau ada gerakan yang memperjuangkan isu pelaksanaan sistem perundangan Islam akan dianggap sebagai gerakan faundamentalis, pelampau atau anti-pembangunan. Kedua-dua aliran ini wujud dalam budaya pemikiran masyarakat Melayu semasa. Misalnya aliran pemikiran masyarakat Melayu tradisional dan modernisme.²⁶ Namun sebenarnya kedua-dua aliran ini lahir hasil daripada sikap dan kefahaman mereka dalam menanggapi sesuatu isu dan manifestasi perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Satu golongan tidak melihat kepada identiti asas (usul) hukum tersebut, yang *jami'* dan *mani'* dari sumber asalnya, dan segolongan yang lain tidak mahu menerima realiti semasa dan setempat serta perubahan-perubahan yang melingkarinya walaupun mempunyai keidealan tanggapan berhubung dengan undang-undang tersebut.

²⁵ Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal. 31.

²⁶ Abdul Rahman Abdullah, Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran, Jakarta: Gema Insani Press, 1977, hal. 13.

Tanggungjawab melaksanakan undang-undang Islam terletak di atas bahu pemimpin (kerajaan). Ulama menjelaskan pemerintah sebagai pihak yang satu-satunya berhak melaksana pelbagai ketentuan yang ada dalam Islam seperti menubuhkan jemera pentadbiran dan pemerintahan, memutuskan pertikaian dan melaksana hukuman dan keputusan.²⁷ Dalam perkata lain, pemimpin adalah orang yang diberi tanggungjawab untuk melaksana segala perintah Allah swt sama ada dalam urusan agama atau urusan dunia.²⁸ Mereka diberi kepercayaan dan mandat untuk menyelesaikan segala persoalan yang dihadapi oleh masyarakat berdasarkan apa yang telah ditentukan oleh Allah swt.²⁹ Political power penting dalam pelaksanaan dan pengaplikasian undang-undang Allah swt.³⁰ Ini bermakna pemimpin adalah mereka yang bertanggungjawab secara khusus memastikan pelaksanaan undang-undang dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun setiap individu tidak terlepas daripada dipertanggungjawabkan dalam urusan pelaksanaan undang-undang Islam. Sebab melaksana undang-undang Islam merupakan urusan *Amr al-ma'ruf nahi al-Munkar*, meskipun kewajipan itu boleh berubah dalam bentuk fardu 'ain atau fardu kifayah, bergantunglah kepada keperluan dan kemampuan dalam masyarakat.³¹

Selain pemimpin, peranan yang paling menonjol dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam ini ialah ulama. Sebagai pewaris nabi dan orang yang bertanggungjawab mendekati dan menasihati pemerintah, ulama perlu ada keberanian dan kewibawaan. Kegagalan ulama dalam menangani dan menasihati pemerintah akan melambat atau

²⁷ Al Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1978, hal. 5.

²⁸ Abdul Hamid Abu Sulayman, The Islamic Theory of International Relation; New Derection for Islamic Methodology and Thought. Washington: International Institute Of Islamic Thought, 1982, hal. 80.

²⁹ Majid Ali Khan, The Pious Caliphate. Kuwait: Islamic Book Publisher, 1982, hal. 3

³⁰ Lukman Thaib, The Islamic Polity and Leadership. Selangor: Delta Publishing Bhd, 1995, hal. 55.

³¹ Muhammad Ahmad al-Rasyid, al-Muntalag. Beirut: Mu assasah al-Risalah, Tanpa tarikh, hal. 94.

menggagalkan proses pelaksanaan undang-undang Islam. Dalam erti kata lain ulama harus mendepani persoalan pelaksanaan undang-undang Islam dengan kepelbagaiannya kemungkinan dan persediaan. Meskipun ulama secara tradisinya berperanan bukan bermakna orang awam tidak berfungsi dalam menentukan pencapaian cita-cita melaksana undang-undang Islam. Islam melihat tugas merealisasikan undang-undang Islam perlu dilaksanakan secara kolektif antara pemerintah, ulama dan rakyat umum. Dalam kontek ini masyarakat berkewajipan mempersiap diri bersedia menerima undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Sehubungan dengan itu keyakinan masyarakat perlu dilihat sebagai satu manifestasi yang penting dibangunkan. Tanpa pandangan umum yang positif kepada kredibiliti undang-undang Islam, ia hanya menjadi barang yang tersimpan dalam pemikiran tidak pada tindakan. Usaha pelaksanaan sistem perundangan Islam bukan suatu yang mudah dan hanya boleh dilakukan dengan penegasan-penegasan yang menggunakan konsep-konsep umum dan bahasa simbolik, sebaliknya tanggungjawab itu memerlukan usaha yang gigih, profesional dan ilmiah.

Kajian berhubung dengan pelaksanaan undang-undang Islam menjadi topik yang menarik. Tarikannya berpunca daripada persoalan undang-undang Islam berkait rapat dengan kehidupan dan keyakinan manusia, dan keinginan sebahagian umat Islam untuk mempertingkat kuasa, prestasi dan kewibawaan undang-undang Islam dalam sistem kepimpinan negara.

Pelaksanaan undang-undang Islam tidaklah semudah dikhayalkan oleh sesetengah pihak. Ia terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan halangan baik bersifat politik, perundangan, intelektual maupun masalah kefahaman masyarakat secara umum. Apa yang dilakukan oleh Malaysia selama ini dalam melaksana undang-undang Islam kurang menyerlah sehingga dipertikaikan kejujuran sama ada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan datang dari hati nurani pemimpin dan dasar sesuatu negara atau ia hanya sekadar tindakan sementara untuk melayani tuntutan umat demi menjaga kepentingan dan status quo kerajaan.

Kajian ini akan menjadi sebahagian daripada usaha-usaha yang lebih komprehensif dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam. Ia akan melihat secara khusus aspek politik dengan merujuk kepada persoalan cita-cita politik (*political will*) kerajaan dalam melaksana

undang-undang Islam, sebagai topik khas dalam kajian. Tajuk ini dipilih kerana ia merupakan tajuk yang menarik, kontroversial, dan tidak terikat dengan batas kragka politik dan tahun. Perbincangannya masih dalam bentuk teori yang boleh dijadikan landasan anjakan pradigma masyarakat. Malah tajuk ini akan lebih menarik diperlanjutkan perbahasannya apabila dilihat secara objektif perbalahan yang timbul di kalangan mana-mana golongan berhubung dengan isu pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia khususnya dilihat dari sudut politik.

1.1 Tulisan awal tentang Undang-undang dan Politik di Malaysia

Buat masa ini belum ada tulisan sama ada dalam bentuk buku atau laporan kajian (latihan ilmiah, tesis atau disertasi) secara khusus mengenai peranan cita-cita dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia yang dilakukan oleh sarjana tempatan atau luar negara. Meskipun demikian, ada beberapa tulisan sama ada dalam bentuk buku, tesis dan kertas kerja yang membicarakan perkara yang berhubung dengan Islam, politik³² dan undang-undang Negara³³.

Antara buku tersebut ialah buku yang ditulis oleh Ibrahim Ahmad (1989) berjudul Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi di Malaysia. Isu yang dikemukakan oleh Ibrahim berkisar dalam masalah perbezaan pendapat di antara parti PAS - UMNO [kerajaan] dalam menangani proses Islamisasi. Ibrahim melihat UMNO dan PAS tidak pernah seja sekata dalam

³² Antara sebahagian buku yang membicarakan persoalan ini ialah Clive S Kessler, Islam and Politics in a Malay State. London: Cornell University Press, 1978; John Funston, Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS. Kuala Lumpur: Heinemann Educational (Asia). Ltd., 1980; Deanne K Mauzy, Barisan Nasional, Coalition Government in Malaysia. Kuala Lumpur: Marican & Sons, 1983.; dan William Robert Roff, Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974.

³³ Antara mereka yang menulis tentang Undang-undang Islam di Malaysia ialah Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1965; Ahmad Ibrahim, Towards a History of Law in Malaysia and Singapore: Inaugural Braddell Memorial Lecture. Singapore: Stamford College (P) Ltd., 1970.; Azizan Abdul Razak, Administration of Muslim Law in Malaysia. Thesis MA Lit. Kent University, 1980.; Abdullah Alwi, The Administration of Islamic Law in Kelantan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.; M. B. Hooker, Islamic in South-Asia. London: Oxford University Press, 1984.; Mohd Salleh Abas, Prinsip Perlumbagaan & Pemerintahan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.; Rose Ismail, Hudud in Malaysia the

isu tersebut, masing-masing mendakwa perkembangan Islam di negara ini hasil sumbangan dan usaha yang telah mereka lakukan. Ibrahim melihat sejarah proses Islamisasi di Malaysia berlaku, bermula dengan kebangkitan Islam yang menuntut kerajaan melakukan beberapa perubahan dalam sistem kewangan dan pentadbiran. Bagi Ibrahim kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan Islam dalam sistem budaya dan kewangan di negara ini tidak wajar dipertikaikan. Usaha-usaha tersebut perlu dibantu, kerana prosesnya telah pun membawa hasil yang baik kepada perkembangan Islam. Tetapi PAS mendakwa proses Islamisasi yang sedang dilakukan oleh kerajaan adalah hasil daripada perjuangan mereka berada dalam kerajaan Barisan Nasional lagi. Usaha-usaha itu hanya diperlengkapkan oleh kerajaan yang ada sekarang.

Ibrahim berjaya membuktikan bahawa konflik yang berlaku antara PAS - UMNO berkisar dalam soal proses Islamisasi, tetapi beliau belum dapat memperlihat fakta-fakta yang meyakinkan satu kehendak pihak kerajaan untuk merealisasikan proses Islamisasi itu. Beliau tidak berjaya memaparkan dengan jelas tentang tuntutan pelaksanaan undang-undang Islam dan peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam merealisasikan undang-undang itu. Kejayaan mendedahkan konflik antara UMNO - PAS dalam isu Islamisasi tidaklah bererti menunjukkan kerajaan mempunyai keinginan untuk merealisasikan undang-undang Islam.

Ibrahim berpendapat perbezaan antara PAS - UMNO dalam isu Islamisasi berpunca daripada dasar dan falsafah perjuangan yang berbeza. Walau bagaimanapun beliau berpandangan dasar parti PAS - UMNO tidak banyak berbeza, kerana kedua-dua organisasi tersebut lahir daripada krangka yang sama. Dalam ertikata lain, parti PAS - UMNO walaupun berbeza dari aspek ideologi tetapi dari aspek cita-cita tetap mempunyai nilai yang sama. Ulasan yang dikemukakan oleh Ibrahim agak menarik dalam aspek ini, namun yang menjadi fokus kepada buku ini adalah pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan parti PAS terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan, juga hujah-hujah kerajaan dalam mempertahan tindakan yang telah dilakukan itu sesuai dengan kehendak dan keperluan agama. Tetapi Ibrahim belum dapat menjelaskan secara terperinci tindakan yang dilakukan oleh kerajaan sebagai keinginan kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam di negara ini.

Judith Nagata dalam *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots* (1984), cuba menyorot perkembangan Islam di negara ini dengan melihat dari sudut perkembangan dakwah dan kemunculan beberapa badan dakwah pada awal 1970 an. Mengikut Nagata, Islam adalah agama yang telah menjadi teras pegangan kepada umat Islam di negara ini. Nagata juga melihat bagaimana Islam memainkan peranan yang penting dalam membina kehidupan masyarakat Melayu. Kepadanya perkembangan Islam di negara ini dilakukan oleh golongan ulamak, semangat keislaman itu telah disebarluaskan oleh generasi muda yang sedar dan insaf untuk kembali berpegang dengan nilai-nilai keagamaan. Perkembangan Islam di negara ini tahun 1970 an – 80 an bukan sahaja dilakukan oleh kerajaan tetapi juga oleh organisasi bukan kerajaan, seperti *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)* dan *Arqam*.

Kesan kesedaran ini telah mempengaruhi nilai dan budaya masyarakat, dan dasar-dasar kerajaan, sehingga kerajaan terpaksa melakukan perubahan-perubahan untuk memenuhi permintaan dan keinginan masyarakat. Walaupun Nagata telah berjaya membawa penjelasan terang dan jelas tentang perkembangan Islam di negara ini, tetapi beliau hanya menumpukan kajianya kepada kebangkitan Islam dan perkembangan dakwah di negara ini 1970 an – 80 an. Beliau tidak membawa satu perbahasan berhubung dengan kehendak kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Tulisan Nagata ini hanyalah sebagai penyempurna kepada banyak tulisan awalan sebelum beliau seperti yang dikemukakan oleh Dasuki Ahmad (1980), Muhammad Abu Bakar (1981 dan 1982), Muhammad Kamal Hasan (1980), Sharon Siddique (1980 dan 1982) dan Fred Vonder Mehden (1980), yang banyak membicarakan perkembangan Islam dan pengaruhnya dalam sistem masyarakat dan sistem pentadbiran dan pengurusan negara pada dekad 70 an dan 80 an.

Pendapat Nagata diperkuatkan oleh Hussein Mutalib dalam bukunya *Islam and Ethnicity in Malay Politics* (1990). Dalam kajian ini beliau memperlihat sejarah perkembangan masyarakat Melayu tradisional yang menjadikan Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Walaupun pada pendapat Hussien dalam satu-satu ketika nilai agama itu kadang-kadang bercampur -baur dengan nilai-nilai adat tradisi orang Melayu yang diamalkan dari masa kesemasa, namun pengaruh agama pada amnya telah menunjangi nilai budaya dan adat istiadat Melayu. Hussein Mutalib memperlihat bagaimana kerajaan British telah mempengaruhi sistem hidup orang Melayu dari beberapa aspek, seperti budaya, politik dan pentadbiran. Bagi Hussien perkembangan Islam di negara ini dilakukan oleh pihak pemerintah dan badan-badan gerakan dakwah seperti *Angkatan Belia Islam Malaysia*, *Darul Arqam* dan *Perkim*. Secara jelas organisasi ini telah memperlihat kesungguhan pimpinan dan ahlinya untuk memperjuang Islam sebagai satu cara hidup.

Pada Hussien, kesan daripada perkembangan itu telah meningkatkan kesedaran kalangan masyarakat awam dan pimpinan negara untuk kembali kepada penghayatan agama dalam kehidupan mereka. Kesedaran ini telah mendorong beberapa perubahan dasar kerajaan berhubung dengan Islam khususnya semasa pimpinan Perdana Menteri keempat Mahathir Mohamad. Hussien telah menyenaraikan secara kronologi perubahan-perubahan yang telah dilakukan oleh kerajaan semasa pimpinan Mahathir. Walaupun kajian ini agak baik dari aspek kronologi sejarah tentang perubahan yang dilakukan oleh kerajaan dalam proses perkembangan Islam, tetapi fokus yang menjadi tumpuan penulis hanya dari aspek umum dan sejarah perkembangan Islam dan peranan yang dilakukan oleh organisasi bukan kerajaan. Cakupan perbincangannya agak luas dan tidak menjurus kepada hasrat ke arah pelaksanaan perundungan Islam.

Hussien Mutalib menulis satu lagi buku bertajuk *Islam in Malaysia from Revivalism to Islamic State* (1993) sebagai memperkuuh pandangan beliau dalam buku yang pertama. Buku kedua ini ditulis dengan mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam buku terdahulu dengan memperlihat kesinambungan idea yang hendak dibincangkan. Ada beberapa idea yang menarik dalam buku ini. Hussien telah membahaskan fenomena kebangkitan Islam secara umum yang disusuli pula oleh kebangkitan Islam di Malaysia khususnya yang bermula tahun 1969. Cetusan kebangkitan ini pada beliau adalah berpunca apabila berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang dilihat oleh Hussien sebagai

kegagalan kerajaan membendung faham perkauman di kalangan masyarakat. Pada beliau, kebangkitan Islam itu telah mempengaruhi beberapa dasar kerajaan dan pemikiran masyarakat sehingga membawa kepada satu fenomena baru dalam masyarakat Melayu khususnya generasi muda dalam menghayati Islam. Bagi Hussien, kejayaan parti PAS menawan Kelantan dalam pilihanraya umum 1990 adalah rentetan daripada rasa kesedaran telah memperlihat bagaimana Islam dapat diterima oleh masyarakat dan berkembang subur dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Pada beliau, kemenangan parti PAS ini membawa cabaran kepada kerajaan Pusat agar bersikap Islamik.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk yang telah dikemukakan dalam buku yang kedua ini, misalnya perubahan-perubahan yang dilakukan oleh kerajaan dalam sistem pentadbiran, sistem kewangan, dan sistem pendidikan, Hussien merasa yakin bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah negara Islam sekiranya keadaan yang sedang dilakukan hari ini dipertahankan dan komitmen kerajaan yang sedia ada berterusan. Walaupun beliau yakin negara ini akan menjadi sebuah negara Islam, tetapi beliau masih lagi ragu-ragu dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, kerana banyak halangan yang perlu dilalui. Beliau membuat beberapa andaian yang dapat membantu pencepatan proses menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Hussein mencadangkan supaya parti PAS hendaklah memperkuuh kedudukan mereka sebagai sebuah parti politik Melayu Islam, bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di negeri-negeri lain yang ada potensi untuk parti PAS berjaya seperti Perlis, Terengganu dan Kedah dalam pilihanraya, dan mengisyiharkan negeri-negeri berkenaan sebagai wilayah Islam. Kedudukan itu akan lebih cepat mempengaruhi parti UMNO agar lebih cenderung kepada Islam. Hussien juga mencadangkan PAS - UMNO mengadakan hubungan terus dalam bentuk sebuah parti politik sebagaimana yang telah mereka lakukan pada tahun 1974.

Ketiga melalui tindakan ketenteraan, dengan mendidik pimpinan tentera supaya lebih cenderung kepada Islam dan bersama-sama kepimpinan negara untuk mendaulatkan cita-cita Islam. Walau bagaimanapun beliau mengakui situasi ini mungkin tidak realistik berdasarkan sosio-politik yang berada di Malaysia dan tidak mungkin dapat dilakukan. Namun kedudukan itu adalah penting dalam menjaga kepentingan dan kedudukan kerajaan dan orang Melayu dalam

menangani situasi berkenaan. Sementara senario keempat yang dikira sebagai suatu yang sensitif dan mungkin tidak dapat diterima oleh UMNO, ialah apabila beliau mencadangkan supaya kepimpinan negara diserahkan kepada Anwar Ibrahim Timbalan Perdana Menteri yang terkenal dengan sikap, pendirian dan cita-cita beliau yang lebih jelas dan ketara dengan Islam. Pada Hussien, Anwar Ibrahim adalah seorang tokoh gerakan Islam yang terkenal di negara ini. Beliau berkeyakinan Anwar Ibrahim mampu melaksanakan tanggungjawab itu, malah telah banyak polisi negara yang sesuai dengan Islam dilaksanakan setelah beliau terlibat dalam kabinet.

Hussien dalam buku ini memfokuskan perbahasananya kepada kebangkitan Islam dan bibit-bibit ke arah mewujudkan sebuah negara Islam. Namun begitu, analisisnya juga tidak mencakupi soal pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Malah perbincangan dalam buku itu masih mempertikaikan soal keinginan atau hasrat kerajaan untuk melaksana undang-undang Islam di negara ini. Pada Hussien, kerajaan Malaysia belum bersedia untuk melaksana undang-undang Islam dalam sistem perundangannya. Pandangan ini dapat dikesan apabila beliau masih mengemukakan beberapa pendekatan yang harus dilakukan untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ini bermakna usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan hari ini belum pasti sampai kepada maksud mewujudkan sebuah negara Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun usaha beliau mengemukakan hujah-hujah dan idea sebagai peneroka awal dalam bidang yang diperbahaskan itu memerlukan satu penelitian dan kajian yang lain dan lebih terperinci dalam mendokongi elemen-elemen yang telah dikemukakan itu.

Aziz Zariza Ahmad (1979) menulis buku yang berhubung dengan Politik UMNO dan Aspek Falsafah dan Perjuangannya. Mengikut beliau, sebagai organisasi politik yang menguasai kerajaan sejak merdeka, UMNO mempunyai dasar dan falsafah perjuangannya tersendiri sesuai dengan iklim politik di Malaysia. Pendekatan sedarhana dan berkerjasama dengan masyarakat bukan Islam yang dilakukan oleh UMNO telah banyak membawa perubahan dan kemajuan kepada negara dan agama Islam. Walau bagaimanapun dasar dan falsafah perjuangan UMNO tidak diketahui oleh ramai pihak malah disalah ertikan oleh sebahagian masyarakat di negara ini sehingga menganggap UMNO adalah parti politik nasionalis yang bertentangan dengan Islam.

Tulisan Aziz cuba memperlihat bahawa perjuangan UMNO tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam, walaupun UMNO ditubuhkan atas dasar kesedaran kebangsaan. Baginya UMNO mengambil pendekatan yang sedemikian rupa dalam perjuangannya adalah berdasarkan kepada manifestasi kesedaran mereka tentang sejarah kewujudan dan kemerdekaan negara ini. Pada Aziz pendekatan yang digunakan oleh UMNO ini tidak lari daripada dasar dan nilai-nilai agama yang menuntut umatnya sentiasa boleh bekerjasama dan bertolong bantu dalam hal-hal kebaikan dan kebenaran.

Aziz memperluaskan huraianya dengan menyingkap perjuangan UMNO yang diwujudkan bukan saja berdasarkan semangat kebangsaan tetapi juga berpandukan semangat kelslaman. Tetapi beliau tidak dapat menggambarkan dengan jelas sejauh manakah peranan dan tanggungjawab UMNO dalam menegakkan dan mempertahan Islam sebagai agama rasmi negara. Dan sejauh manakah pula UMNO telah menghayati ajaran agama dalam nilai dan budaya politik mereka. Aziz banyak memfokuskan dasar perjuangan UMNO yang membela kepentingan orang-orang Melayu dan tidak menjurus kepada perjuangan ke arah menegakkan undang-undang Islam. Buku ini tidak menyentuh soal cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam.

Nadzman bin Mustaffa, dalam tulisannya *Islam dalam Perjuangan UMNO* (1992) membincang sejarah UMNO, dan peranan ulama dalam penubuhannya. Bagi Nadzman, perjuangan menegakkan Islam yang dilakukan oleh UMNO berjalan secara tidak terancang. Namun usaha-usaha itu telah menampakkan kejayaan. Dalam erti kata lain, UMNO sedikit sebanyak telah menyumbangkan usahanya kepada perkembangan Islam. Pada beliau, meskipun UMNO dipimpin oleh mereka yang mempunyai latarbelakang pendidikan barat tetapi dalam perjuangannya mereka tidak pula mengkesampingkan usaha-usaha untuk memperkuuh kemumian dan kesucian agama Islam.

Perkembangan Islam semakin dipertingkat dari semasa ke semasa, khususnya semasa kepimpinan Mahathir Mohamad. Era perubahan yang paling ketara bermula dari dekad 1980 an apabila kerajaan secara jelas memberikan komitmen untuk melaksanakan Islam dalam sistem kehidupan masyarakat. Nadzman tidak membentangkan dalam tulisannya itu tentang cita-cita

kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Beliau hanya membentangkan fakta tanpa ada penganalisaan yang sewajarnya terhadap fakta-fakta yang dikemukakan itu.

Satu lagi kajian khusus mengenai perjuangan UMNO dalam mendaulatkan Islam dibuat oleh Yaakob bin Mat Noor pada tahun 1988. Secara khusus beliau membincangkan tajuk Perjuangan UMNO dalam Mendaulatkan Islam sebagai Agama Rasmi negara: Satu Analisa mengenai Penerimaan Pandangan dan Amalan Ahli-ahlinya terhadap Konsep Negara Islam. Kajian ini dibuat bertujuan untuk memperlihat usaha-usaha UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik yang memperjuang kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara.

Yaakob memulakan penulisannya dengan membentangkan teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Teori yang dibentangkan itu sebenarnya telah pun ditemui dalam penulisan tentang Islam di Asia Tenggara seperti Sayed Naqib al-Atas dan M B Hooker. Dalam ertikata lain beliau hanyalah pendukung kepada teori-teori awal dan tidak lebih hanya mengulangi pendapat-pendapat sarjana berkenaan. Disamping memaparkan pengaruh Islam dalam sistem perundangan di Melaka dan negeri-negeri di sekitarnya, beliau juga memperlihat sejarah penubuhan UMNO yang dikira sebagai memaparkan kembali pandangan-pandangan dan tulisan-tulisan awal tentang kebangunan semangat berpolitik di kalangan orang Melayu khususnya. Kerajaan British cuba menggugat kestabilan hak dan keistimewaan raja-raja Melayu apabila *Malayan Union* dicadangkan. Bagi Yaakob, semangat menentang *Malayan Union* menjadi detik bersejarah kepada kebangunan politik orang-orang Melayu. Tetapi Yaakob tidak mengambil kira sejarah awal yang memungkinkan semangat berpolitik di kalangan orang Melayu telah wujud umpamanya *Kesatuan Melayu Muda*, *Kesatuan Melayu Singapura* dan sebagainya. Perbahasan Yaakob hanya berkisar dalam masalah kewujudan UMNO dan tidak membabitkan semangat politik lain yang juga mempengaruhi soal perkembangan Islam di negara ini. Keterbatasan perbincangan yang dikemukakan oleh Yaakob ini adalah bersesuaian dengan topik kajiannya.

Pada perkiraan Yaakob, *Malayan Union* bukan sahaja menggugat hak keistimewaan orang Melayu tetapi juga kesucian agama Islam yang semakin terhakis semasa penjajahan British. Yaakob beranggapan sekiranya *Malayan Union* diterima, ia menambah cengkaman Barat

di negara ini dan Islam semakin pudar. Satu catatan yang agak menarik dalam kajian Yaakob ini ialah apabila beliau memperkatakan satu tajuk Islam dalam Politik UMNO, tetapi dalam penghuraian yang dikemukakan tidak juga menjelaskan secara terperinci sejauh manakah Islam itu telah mengakar dan merimbun dalam perjuangan UMNO sama ada dari aspek aktiviti, perlantikan kepemimpinan yang berlatarbelakangkan agama dan sebagainya. Cuma yang dibincangkannya ialah tentang memorandum UMNO kepada Suruhanjaya Reid berhubung dengan kedudukan beragama dan ta'rifan orang Melayu dalam perlembagaan serta tuntutan UMNO tentang keistimewaan orang Melayu. Ini memberi makna perbahasan yang dikemukakan oleh Yaakob tidaklah dapat memperlihat kesungguhan UMNO dalam memperjuang dan memperkembang Islam di negara ini.

Seterusnya beliau membincangkan secara teori konsep negara Islam dan sejauh manakah ciri-ciri berkenaan diaplikasikan di Malaysia. Berdasarkan penelitiannya, Yaakob membuat kesimpulan kedudukan negara ini bukanlah pada prinsipnya sebagai sebuah negara Islam kalau dilihat dari aspek idealnya, kerana banyak lagi perkara yang belum dapat dilaksanakan di negara ini berhubung dengan tanggungjawab mereka dengan agama Islam. Bagi Yaakob kedudukan Islam sebagai agama Rasmi negara hanya dapat dilihat dalam dua aspek. Pertama dilihat dari sudut amalan-amalan rasmi yang dilakukan dalam majlis-majlis keramaian dan percambahan institusi agama. Kedua dilihat daripada segi amalan-amalan yang dilakukan dalam bidang kehakiman melalui kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Walaupun Yaakob tidak mengatakan negara ini sebagai sebuah negara Islam, tetapi beliau telah cuba memperlihat usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan yang didokongi oleh UMNO dalam usaha menyebarkan kefahaman agama di kalangan masyarakat. Yaakob berjaya mencatatkan beberapa fakta yang memperlihat tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan, ekonomi, dakwah dan pengurusan agama. Walaupun huraian yang dikemukakan oleh Yaakob agak baik tetapi ia belum menyeluruh dan menyentuh secara khusus dari aspek perundangan di mana kerajaan telah memainkan peranan yang penting dalam proses perubahan tersebut. Beliau berjaya memperlihat keupayaan UMNO mengangkat martabat agama Islam sebagai agama rasmi negara dengan memfokuskan kepada usaha-usaha yang

dilakukan oleh UMNO melalui kerajaan dalam bidang pendidikan dan pentadbiran perundangan. Sebaliknya beliau gagal memperlihat usaha-usaha yang dilakukan oleh parti UMNO untuk ahli-ahlinya dalam proses membangunkan Islam. Yaakob juga tidak dapat memperlihat usaha-usaha yang dilakukan itu sama ada datang dari hasrat UMNO atau hasrat kerajaan atau perkara itu berlaku secara kebetulan yang lahir daripada fenomena perubahan alam semula jadi secara evolusi, tanpa ada perancangan yang berterusan dan sistematik sama ada daripada UMNO atau kerajaan. Tulisan yang dikemukakan oleh Yaakob boleh dijadikan titik perkembangan pemikiran dan percambahan idea kepada kajian masalah cita-cita dalam melaksana undang-undang Islam.

Satu lagi kajian yang dapat membantu memperkuuh kajian persoalan cita-cita politik ialah kajian oleh Abu Bakar Abdullah bertajuk Ke arah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia : Masalah dan Penyelesaiannya (1983). Jika Yaakob melihatnya dari sudut politik, Abu Bakar pula melihatnya dari sudut undang-undang. Yang mendahului kajiannya dari aspek sejarah ialah tentang pengaruh undang-undang Islam dalam sistem perundangan dan pemerintahan di Melaka, negeri di bawah takluknya dan negeri-negeri yang berhampiran dengannya. Abu Bakar telah berjaya memperlihat dengan jelas tentang peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam *Kanun Melayu Melaka* yang sesuai dengan sistem perundangan Islam. Walau bagaimanapun Abu Bakar berpandangan hukum kanun ini sedikit demi sedikit terhakis daripada pengaruh sultan atau kuasa pemerintah Melayu terutamanya apabila Tanah Melayu di bawah pemerintah British.

Abu Bakar melihat kepesatan perkembangan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu bukan sahaja diusahakan oleh British, tetapi juga oleh pembesar-pembesar Melayu yang bersekongkol sama untuk mengendalikan pengadilan di Mahkamah Sivil yang diwujudkan oleh British. Dalam ertikata lain, undang-undang Islam yang selama ini berjalan di Melaka telah terhakis sedikit demi sedikit dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Melayu sendiri. Meskipun Abu Bakar berjaya memperlihat beberapa fakta yang boleh membantu perkembangan penulisan beliau dalam tajuk berkenaan, tetapi beliau belum dapat membuat satu penganalisaan yang baik terhadap fakta yang dikemukakan itu. Ini bermaksud Abu Bakar hanya sekadar

memindahkan fakta yang telah dilakarkan oleh penulis-penulis yang lebih awal daripada beliau tanpa menghuraikan secara analitikal kepada tulisan awalan tersebut.

Kajian Abu Bakar juga menghuraikan perbezaan antara undang-undang Islam dengan undang-undang Malaysia yang diklasifikasikannya kepada perbezaan dari aspek prinsip, sumber dan matlamat. Abu Bakar berjaya menonjolkan beberapa fakta yang menunjukkan perbezaan yang ketara undang-undang Islam daripada undang-undang sivil Malaysia. Namun Abu Bakar hanya dapat menilai perbezaan itu dari aspek hukum dan intipati hukum yang secara ideal tanpa melihat realiti pengamalannya di negara ini. Juga beliau tidak dapat menyelami lebih jauh, seperti perbezaannya dari sudut hukum kewujudan undang-undang tersebut di negara ini dan bagaimana ia dilaksanakan. Secara jelasnya Abu Bakar masih terkeliru antara undang-undang dengan hukum kerana soal pelaksanaan undang-undang adalah perkara yang bersangkut-paut dengan persoalan sistem sedangkan tulisan ini tidak membezakan antara hukum daripada undang-undang. Abu Bakar cuba mendalamai kajiannya dengan memperlihat faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Secara ringkasnya Abu Bakar melihat penghalang yang besar untuk merealisasi undang-undang Islam di negara ini ialah masalah politik, masalah masyarakat Islam dan bukan Islam, masalah sikap kerajaan dan ahli undang-undang serta ulama. Pada pandangan Abu Bakar, masalah tersebut sebenarnya hanyalah diada-adakan oleh kerajaan untuk tidak melaksana undang-undang Islam. Masalah sebenar bagi Abu Bakar adalah masalah kehendak politik. Maksudnya kerajaan sebenarnya tidak mempunyai cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam, kerana itu dalam membahaskan perkara tersebut Abu Bakar lebih banyak menumpukan kepada sistem pemerintahan khususnya soal perubahan yang patut dilakukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Sivil Malaysia.

Banyak pendapat Abu Bakar boleh dipertikaikan daripada pendekatan *siasah syar'iyah* misalnya kewujudan parti-parti politik dan kebebasan menubuhkan parti politik yang diberikan oleh perlembagaan pada beliau adalah bertentangan dengan undang-undang Islam. Baginya kebebasan ini akan memberi tempat kepada setiap warga negara tanpa mengira agama memerintah negara. Kenyataan yang dibuat oleh Abu Bakar ini sebenarnya tidak merujuk

kepada mana-mana sandaran yang jelas, sedangkan prinsip bernegara dalam Islam salah satunya ialah *al-Hurriyah* (kebebasan). Dalam perkata lain justifikasi Abu Bakar dalam tesis ini masih boleh diperbahas dari aspek hukum. Demikian juga kritikan beliau terhadap dasar parti UMNO. Bagi Abu Bakar UMNO tidak menyumbang kepada pelaksanaan undang-undang Islam. Bagi beliau, walaupun terdapat dalam Fasal 4, Fasal 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan Fasal 3 Perlembagaan UMNO menyebut soal-soal yang berhubung dengan memelihara dan mempertahankan perlembagaan negara, berusaha mempertahankan, menegak dan memperkembangkan Islam, tetapi ia banyak bertentangan dengan agama dan tidak sejajar dengan kehendak Islam. Kerana tafsiran agama Islam dalam perlembagaan adalah suatu yang sempit dan tidak menepati kehendak *al-Din* dan Abu Bakar telah mengketogerikan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang *unislamic*, yang tidak sesuai dengan aspirasi akidah. Pendapat Abu Bakar nampaknya bais, tanpa memberikan pertimbangan yang wajar kepada parti berkenaan dan sumbangannya terhadap perkembangan Islam. Kajian yang dilakukan oleh Abu Bakar masih boleh dibuat penelitian dengan sewajamnya, kerana itu cadangan yang dikemukakannya dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan undang-undang Islam bukanlah sesuatu yang baru cuma hanya sekadar memperkuuh apa yang telah dilakukan oleh kerajaan, seperti dalam bidang pendidikan dan pindaan perlembagaan.

Justeru itu kajiannya hanya memfokuskan aspek halangan-halangan pelaksanaan undang-undang Islam dan isu yang dibangkitkan lebih banyak mempertikai pelaksanaan undang-undang yang ada di Malaysia dengan tidak melihat secara menyeluruh dari aspek pro dan kontra dalam masalah pelaksanaan undang-undang Islam. Kesan daripada analisa tersebut mendorong masyarakat lebih banyak mempertikai hasrat kerajaan terhadap isu-isu pelaksanaan undang-undang Islam, dan kajian ini dikira telah memberi idea yang cukup bermakna kepada percambahan kajian cita-cita politik.

Pendekatan yang sama juga telah dilakukan oleh Norhashimah Mohd Yassin dalam bukunya *Islamisation / Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia 1969 - 1993* (1993). Fokus kajian ini menjurus kepada bidang ekonomi. Walau bagaimanapun Norhashimah juga memberi tumpuan pada peringkat awal

kepada sejarah perkembangan undang-undang Islam, yang menyangkut kepada *Hukum Kanun Melaka* dan implikasi sistem perundangan British dalam sistem perekonomian di Malaysia. Norhashimah sekadar membicarakan sebagaimana penulis-penulis sebelumnya dalam membuat kajian tentang sosio-politik dan nasionalis Melayu seperti Galangher (1966), Winzeler (1970), Kessler (1978), Funston (1980), Gale (1986) dan Means (1991) atau pengarang-pengarang yang menjurus penulisannya dalam bidang undang-undang seperti Gullick (1965), Ahmad Ibrahim (1965, 1978, 1981, 1991, dan 1997), Means (1969), Hickling (1987), Muhammad Abu Bakar (1986), Mahmud Saedon Awang Othman (1988) dan Abu Bakar Hamzah (1991), yang memperihal kedudukan undang-undang Islam dan peranannya dalam mencorakkan sistem dan budaya masyarakat Melayu. Namun Norhashimah tidak bersetuju dengan sesetengah pengkaji Barat yang telah menafikan peranan agama dalam membentuk nilai dan budaya masyarakat Melayu.

Norhashimah cuba membuktikan bagaimana peranan agama yang terdapat dalam Perlembagaan Perkara 3 telah berfungsi kepada perkembangan dan pengukuhan nilai-nilai agama dalam pentadbiran. Satu pandangan yang agak menarik dikemukakan oleh Norhashimah ialah salah satu kesan daripada *Dasar Ekonomi Baru* yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1971 ialah berlakunya kebangkitan Islam (kesedaran Islam) di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi khususnya untuk kembali menghayati agama dan menuntut hak-hak keadilan serta kebebasan khususnya dari aspek ekonomi dan pendidikan. Rentetan daripada itu kerajaan terpaksa akur dengan tuntutan berkenaan dan melaksanakan beberapa dasar dan perubahan dasar. Walau bagaimanapun bagi Norhashimah apa yang dilakukan itu bukanlah satu program yang menyeluruh untuk melaksanakan undang-undang syariah dalam sistem perundangan negara, tetapi hanyalah sebagai satu cabang kepada pelaksanaan nilai-nilai Islam, katanya:

This study has demonstrated the government's Islamisation program is not designed to implement syariah as the main legal system

Norhashimah telah berjaya membentangkan satu kajian yang mendalam dalam bidang ekonomi berhubung dengan pelaksanaan Islam dalam sistem tersebut, tetapi beliau gagal untuk

menghuraikannya dari aspek undang-undang yang lebih menyeluruh dan pelaksanaannya di Malaysia, khususnya bagaimana kerajaan perlu mewujudkan beberapa akta yang membolehkan sistem ekonomi itu dapat dilaksanakan. Kerana itu pada akhir kajianya, Norhashimah membuat kesimpulan paling mudah dengan menunjukkan kerajaan belum bersedia untuk melaksana undang-undang Islam di negara ini. Soalnya mengapa kerajaan belum bersedia melaksana undang-undang Islam atau adakah kerajaan tidak ada cita-cita untuk melaksanakannya?. Soalnya juga bagaimanakah sistem kewangan Islam dilaksanakan kalau kerajaan tidak mempunyai cita-cita melaksanakannya atau apakah boleh kita mengatakan kerajaan belum bersedia kerana terdapat beberapa keterbatasan dalam melaksana undang-undang Islam?.

Penulis yang banyak menyentuh soal pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia ialah Ahmad Ibrahim. Beliau mula memperkata soal undang-undang Islam di Malaysia dalam tahun 1965 dengan bukunya *Islamic Law in Malaya* [1965]. Buku ini menyentuh soal sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu, yang memfokuskan tentang perkembangan perundangan secara umum dengan mengemukakan pandangan daripada fikih Islam seperti Hanbali, Hanafi, Maliki dan Syafi'e dan pengaruh mazhab tersebut dalam sistem hukum Islam di Tanah Melayu.

Beliau juga membentang dengan agak terperinci tentang pelaksanaan undang-undang Islam oleh kerajaan-kerajaan negeri lepas merdeka dengan merujuk kepada enakmen-enakmen yang dilaksanakan oleh Mahkamah-mahkamah Kadi di negeri-negeri yang berbeza. Walaupun Ahmad Ibrahim memfokuskan bidang pelaksanaan undang-undang Islam dan batas-batas pelaksanaan yang melingkunginya, tetapi beliau tidak membayangkan sesuatu yang berlaku itu hasil daripada cita-cita dan komitmen kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Undang-undang yang dilaksanakan itu hanyalah sebagai penerusan daripada perkara-perkara yang telah dilakukan semasa zaman penjajah lagi. Walau bagaimanapun apa yang ditulis oleh Ahmad Ibrahim ini sebagai penerokaan awal kepada undang-undang Islam oleh Mahkamah Syariah.

Ahmad Ibrahim menulis tidak kurang daripada lima puluh bahan bercetak terutama pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia dalam pelbagai sudut. Antaranya yang utama ialah Towards a History of Law in Malaysia and Singapore (1970), Law and Religion: The Malaysian Experience, Islam and the Modern Age Society (1974), The Position of Islam in the Constitution of Malaysia (1978), Islamic Law in Malaysia (1981), Perundangan Islam: Dasar, Matlamat dan Pelaksanaannya di Malaysia (1981), Family Law in Malaysia and Singapore, (1984), Readings on Islam in Southeast Asia (1985), The Amendment to Article 121 of The Federal Constitution: Its Effect on Administration of Islamic Law (1989), Islamic Law in Malaysia, Its Impact on Civil Law (1991), Islam dalam Perlembagaan (1994), Kedudukan Undang-Undang Islam di Malaysia (1997). Walaupun tulisan beliau banyak membincarkan tentang sejarah, bidang kuasa dan perkembangan-perkembangan yang belaku terhadap sistem perundangan dan struktur pentadbiran mahkamah syariah di Malaysia, tetapi Ahmad Ibrahim tidak menyatakan perubahan-perubahan yang dilakukan itu adalah hasil daripada hasrat kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam atau tidak.³⁴

Berdasarkan analisa di atas jelas memperlihatkan bahawa tajuk yang hendak dikaji dalam desertasii ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak. Dan tulisan-tulisan yang telah dikemukakan itu boleh dijadikan sumber rujukan yang dapat memperkuuh percambahan kajian ini.

1.2 Objektif dan Kepentingan Kajian

Secara umum kajian ini mempunyai objektif utama untuk membuat satu penganalisaan dan penilaian mengenai persoalan cita-cita politik kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam dan sejauh manakah cita-cita tersebut telah dilaksanakan. Kajian ini juga bertujuan untuk:

³⁴ Selain itu beliau juga membincarkan tajuk Kedudukan Mahkamah Syariah dalam Sistem kehakiman (1986), The Principles of an Islamic Constitution and The Constitution f Malaysia: A Comparative Analysis (1989), Islamic Law in the Syariah Court (1989), Intorduction of Islamic Values in Malaysian Legal System (1992), Konflik antara Syariah dan Common Law di Malaysia: Masalah dan penyelesaian (1993) dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia (1997).

1. menilai secara objektif maksud cita-cita politik dalam proses pelaksanaan undang-undang Islam;
2. meneliti dan menilai samaada usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan mencerminkan cita-cita kepada pelaksanaan undang-undang Islam;
3. mengenalpasti faktor yang mendorong wujud atau tidaknya cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam di Malaysia.
4. mengenalpasti masalah pelaksanaan cita-cita politik berhubung dengan pelaksanaan undang-undang Islam; dan
5. mencadangkan beberapa bidang kajian baru kepada penyelidik akan datang dalam bidang politik dan undang-undang Islam atau undang-undang Malaysia.

Tajuk ini penting dibuat kajian kerana berdasarkan kepada penelitian, buat masa kini belum ada kajian secara khusus oleh para sarjana dan penyelidik dalam bidang berkenaan. Yang ada hanyalah kajian yang berkisar dalam soal-soal yang berhubung dengan undang-undang kenegaraan Islam secara umum, undang-undang pentadbiran Mahkamah Syariah dan perkara yang berhubung dengan masalah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia atau kajian yang berhubung dengan politik yang banyak merujuk kepada politik kepartian. Juga belum ada satu kajian yang telah mengabungkan dua dimensi keilmuan iaitu Islam sebagai satu *maddi* [subjek] dengan manusia sebagai alat atau tempat penceraian kepada subjek berkenaan. Kajian ini akan cuba menggabungkan kedua-dua dimensi ini dalam satu landasan keilmuan yang sepadu. Dan kajian ini sebagai satu sumbangan ilmu dalam dunia keilmuan Islam di negara ini.

1.3 Falsafah Cita-cita

Setiap manusia mempunyai cita-cita dan keinginan. Cita-cita manusia berbeza antara satu sama lain.³⁵ Perbezaan cita-cita belaku atas sebab perbezaan jantina, perbezaan usia,

³⁵ Rousseau berpendapat " Setiap individu sebagai seorang manusia mungkin mempunyai satu kehendak peribadi yang bertentangan atau berlainan dengan kehendak umum, yang dimilikinya sebagai seorang negara. Minatnya yang peribadi mungkin berbeza dengan minat bersama, kewujudan yang mutlak dan bebas itu secara semulajadi mungkin membuatnya berfikir tentang apakah yang sepatutnya dilakukan

perbezaan bangsa, keturunan, pegangan agama, budaya hidup masyarakat dan juga disebabkan latarbelakang pendidikan. Socrates seorang pengikut faham moral tulun misalnya membahagikan manusia kepada tiga kelakuan yang menunjukkan perbezaan cita-cita. Pertama, manusia yang bersifat nafsu (*desire*) iaitu manusia yang mencari kekayaan sebanyak-banyaknya tanpa memperdulikan orang lain. Kedua, golongan manusia yang bersifat semangat (*spirit*) yang lebih mementingkan orang lain daripada diri mereka sendiri, dan ketiga, manusia yang mempunyai akal budi yang tinggi yang bertindak sebagai penguasa.³⁶ Berbeza golongan manusia ini menunjukkan berbezanya cita-cita manusia.

Sementara Plato membahagikan masyarakat kepada tiga kelompok keinginan. Pertama, kelompok masyarakat filosof yang diberi amanah untuk memerintah, kerana mereka mempunyai keupayaan menjadikan sebuah negara yang ideal. Kedua, golongan masyarakat kesatria, iaitu mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara. Ketiga, golongan masyarakat biasa yang terdiri daripada golongan petani dan penterak. Kehidupan mereka menumpang kemakmuran hidup orang lain. Bagi Plato ketiga-tiga kelompok masyarakat ini mempunyai cita-cita yang berbeza antara satu sama lain, kerana berbeza bidang tanggungjawab dan peranan. Ini bermakna perbezaan jenis pekerjaan atau tanggungjawab akan juga membezakan cita-cita seseorang. Walau bagaimanapun cita-cita boleh disatukan kerana ada di antara cita-cita masyarakat yang bersamaan satu sama lain.³⁷

Cita-cita manusia boleh berubah daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Perubahan ini bergantung kepada sejauh manakah persekitaran mempengaruhi keinginannya. Misalnya cita-cita orang bandar berbeza daripada cita-cita orang desa, demikian juga cita-cita kanak-kanak berbeza daripada orang dewasa. Cita-cita kedua-dua kelompok ini boleh berubah

untuk mencapai matlamat bersama.... Lihat Jean Jecques Rousseau, Dari Hal Perjanjian Sosial, (terj) Puteri Rashidah Megat Ramli. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, hal. 24.

³⁶ Lihat F Copleston, A History of Philosophy, Vol. 1, London: Search Press, 1946, hal. 140.

³⁷ Lihat Harsja W Bakhtiar, Percakapan dengan Sidney Hook tentang Empat Masalah Filsafat. Jakarta : Djambatan, 1980, hal. 46 dan 88. Lihat juga Mumtaz Ahmad, Masalah-masalah Teori Politik Islam. Bandung : Mizan, 1993, hal. 61.

apabila suasana berubah. Walau bagaimanapun terdapat cita-cita manusia secara semulajadinya tetap. Misalnya keinginan untuk mendapatkan kebaikan, kedamaian, keadilan, kebebasan dan kesempurnaan hidup. Abdul Malik berpendapat sekurang-kurangnya ada tiga cita-cita yang hendak dicapai oleh manusia; cita-cita untuk mewujudkan sistem pengurusan dan politik yang adil, berkeinginan kepada satu sistem perundangan masyarakat yang adil dan saksama dalam masyarakat, dan cita-cita untuk dapat hidup dalam keadaan aman, harmoni, berkerjasama dan bertolong bantu satu sama lain.³⁸

Ketiga-tiga keinginan ini secara fitrahnya ada pada setiap insan. Kalaupun berlaku aspek-aspek yang bertentangan dengannya, sifat itu bukanlah sesuatu yang berbentuk semulajadi tetapi terbentuk daripada pengaruh luar yang telah mempengaruhi naluri manusia; seperti untuk mendapatkan kuasa. Manusia akan melakukan apa sahaja asalkan cita-cita mereka tercapai sebagaimana disebut oleh Mechiavelli “*The aim justify the means*”.³⁹ Walaupun kaedah itu tidak dihalalkan dalam Islam, tetapi selalunya kaedah ini telah digunakan oleh pengingin kuasa untuk mencapai cita-cita politik mereka. Dalam perkataan yang lain cita-cita manusia boleh terbentuk melalui dua cara. Pertama cita-cita terbentuk secara semulajadi manusia diciptakan oleh Allah swt. Kedua cita-cita dibentuk oleh disiplin-disiplin pendidikan dan sosialisasi sosial masyarakat tempat mereka berada berdasarkan kepada kepentingan.

Bab ini akan membicarakan landasan teori cita-cita politik, dengan melihat kepada pendefinisian cita-cita, dan hubungkait cita-cita dengan ideologi. Disentuh juga cita-cita politik Islam dan cita-cita politik pemimpin dan pengaruh masyarakat dalam membentuk cita-cita.

³⁸ Abdul Malik A al-Sayed. Etika Sosial dalam Islam. (terj) Sayed Putera Sayed Ahmad, cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995. hal. 10.

³⁹ Untuk mendapat maklumat lebih lanjut sila rujuk Necolos Mechiavelli. Kekuasaan. (terj) Muhammad Abu Bakar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989.

1.4 Definisi Cita-cita

Zainal Abidin Safarwan mengklasifikasikan pengertian cita-cita kepada empat iaitu: pertama, cita-cita bermaksud harapan, hasrat, kemahuan dan kehendak yang kuat; kedua, bermakna haluan, hajat, maksud atau azam, dan tujuan yang serupa yang akan dicapai; ketiga, cita-cita ialah sebagai gagasan idea atau buah fikiran yang jelas dijadikan sasaran untuk dicapai, dan keempat, sebagai satu angan-angan, aspirasi atau harapan yang selalu ada dalam fikiran atau hati manusia, termasuk juga dalam soal niat dan impian.⁴⁰ Pengertian yang sama juga terdapat dalam Oxford Reference. Joyce M Hawkins menyebut perkataan 'Ambition' sebagai bermaksud keinginan yang kuat untuk mencapai sesuatu kehendak atau seseorang yang mempunyai azam yang kuat serta tekun melakukannya sehingga mereka berjaya mencapai apa yang mereka kehendaki.⁴¹ Sementara Sara Tulloch mengertikan ambition sebagai ketetapan yang telah ditentukan untuk mencapai sesuatu kejayaan atau matlamat⁴². Sementara Robert Allan pula melihat perkataan ini sebagai kuasa untuk mendapatkan kata sepakat dalam membuat keputusan atau membuat pilihan dalam melakukan tindakan.⁴³ Perkataan ambition disama ertikan dengan drive iaitu kebolehan untuk melakukan dan melaksanakan sesuatu atau enterprise iaitu daya usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu maksud.⁴⁴

⁴⁰ Haji Zainal Abidin Safarwan. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1995, hal. 362.

⁴¹ Joyce M Hawkins. The Oxford Reference Dicitionary. Oxford: Oxford University Press, t.t, hal. 22

⁴² Sara Tulloch. The Reader's Digest Oxford Complete Wordfinder. London: Reader's Digest Association Limited, 1991, hal. 45.

⁴³ Robert Allen. Chambers Encyclopedic English Dictionary. Chambers: 1994, hal. 1393

⁴⁴ Ibid.

Perkataan *Aims*⁴⁵ juga disama ertikan dengan cita-cita. Perkataan ini membawa maksud matlamat atau tujuan iaitu perkara-perkara yang menjadi sasaran terakhir dalam hidup seharian manusia. Istilah itu juga disamaartikan dengan *desire*⁴⁶ yang mengandungi maksud keinginan atau kemahuan yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu, seperti seorang pelajar sekolah akan belajar sekutunya apabila mereka mempunyai keinginan yang kuat untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi. Perkataan *desire* juga bermaksud perkara yang menjadi idaman atau kemahuan hati. Istilah *will*⁴⁷ juga termasuk dalam pengertian cita-cita, kebanyakan perkataan *will* dimaksudkan dengan tekad, azam atau tekad, kuasa dan keupayaan untuk mendapatkan sesuatu.

Berdasarkan kepada istilah yang telah dikemukakan itu, dapat dirumuskan bahawa cita-cita adalah satu kemahuan atau keinginan yang jelas dan tersusun, terpahat dalam pemikiran dan hati sehingga melahirkan satu tindakan yang sistematik dalam mencapai keinginan tersebut. Atau keinginan yang tinggi dilakukan secara bersungguh-sungguh sehingga tercapai apa yang dikehendaki. Kewujudan cita-cita dilihat sebagai satu motivasi atau pendorong kepada individu atau organisasi melakukan kerja untuk mendapatkan apa yang dihasratkan. Kerana itu mereka yang mempunyai cita-cita tinggi akan melakukan kerja-kerja dengan kemahuan dan kesungguhan yang kuat, dilakukan secara tersusun dan terancang, tahap demi tahap melihat kepada keupayaan dan kemampuan individu atau organisasi.

Dari segi istilah, cita-cita merujuk kepada semangat atau keazaman yang kuat untuk mendapatkan sesuatu yang telah ditetapkan. Misalnya matlamat para Rasul diutuskan untuk memberi rahmat kepada alam.⁴⁸ Justeru itu dapat dilihat bahawa segala tindakan, perwatakan dan percakapan Nabi seumumnya menjurus ke arah apa yang telah ditetapkan kepadanya.

⁴⁵ Ibid., hal. 12.

⁴⁶ Ibid., hal. 225.

⁴⁷ Ibid., hal. 939

Kerana itu cita-cita dihubungkaitkan dengan usaha yang dilakukan sama ada secara individu atau organisasi untuk mendapatkan sesuatu perkara yang telah disasarkan. Berdasarkan kepada pengertian tersebut untuk tujuan kajian ini cita-cita dapat didifinisikan sebagai satu keinginan atau kemahuan yang tinggi, jelas dan mantap dalam jiwa dan pemikiran pemimpin mendorong mereka melakukan usaha-usaha dengan menggunakan kaedah dan cara yang sistematik berdasarkan kepada keupayaan ke arah tercapai apa yang dikehendaki.

Sementara perkataan politik disamaartikan dengan siasah, atau kenegaraan iaitu satu kepintaran dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu.⁴⁹ Perkataan politik juga dertiakan kepada kebijaksanaan untuk mencapai sesuatu maksud atau strategi bagaimana hendak mendapat atau mencapai sesuatu kehendak, juga dertiakan dengan kecekapan dalam mengendalikan sesuatu kerja untuk mencapai hasrat yang telah ditetapkan.⁵⁰ Dalam arti kata lain, cita-cita politik ialah satu kebijaksanaan yang dilakukan untuk mencapai sesuatu kehendak, dengan menggunakan kepelbagaiannya strategi dan kecekapan sehingga apa yang ditetapkan itu tercapai.

1.5 Hubungan Cita-cita dan Ideologi

Apakah hubungan antara cita-cita dengan idea politik ? Ada perbezaan yang jelas antara cita-cita dengan ideologi politik, walaupun kedua-duanya mempunyai hubungkait yang rapat. Ada kalangan pengkaji membezakan kedua-duanya seperti Alan R Ball yang mengertikan ideologi sebagai idea-idea politik yang teratur, jelas dan sistematik.⁵¹ Walau bagaimanapun pendapat Alan ini disangkal oleh Alexander Groth yang melihat tidak semestinya ideologi politik itu suatu yang jelas, teratur, sistematik dan rasional. Baginya ideologi itu

⁴⁸ Q., al-Anbia': 197.

⁴⁹ Zainal Abidin Safrawan. *Op cit.* hal. 1449.

⁵⁰ *Ibid.* 1752.

⁵¹ Alan R Ball. *Modern Politics or Government*. London: Macmillan, 1977. hal. 244.

mungkin suatu yang simple dan berpecah - pecah, mungkin juga kompleks dan padu. Tetapi yang lebih perlu ialah idea itu mestilah berterusan dan mempunyai pengaruh yang meluas dalam masyarakat.⁵²

Roger Scruton mengemukakan dua prinsip ideologi. Pertama, ideologi ialah doktrin politik yang disempurnakan oleh teori manusia dan masyarakat yang akhirnya menghasilkan tindakan politik. Kedua, beliau mengambil pendapat teori Marxist yang banyak tertumpu kepada ekonomi. Baginya ideologi ialah sebarang set idea dan nilai yang mempunyai fungsi sosial yang menetapkan suasana ekonomi tertentu.⁵³

Deliar Noer melihat ideologi dan cita-cita itu adalah satu. Ideologi ialah cita-cita tentang kehidupan masyarakat, seperti perjuangan tentang keadilan, kesamarataan, dan hak asasi. Bagi beliau perjuangan untuk menegakkan perkara tersebut merupakan ideologi kelompok berkenaan.⁵⁴ Sebagaimana yang diperkatakan oleh Sukarna ideologi politik ialah satu perumusan keyakinan atau program yang dimiliki oleh sesuatu negara, bangsa, parti politik atau kumpulan bagi tujuan politik yang diharuskan.⁵⁵ Ringkasnya, ideologi politik adalah idea manusia yang membentuk satu sistem, sama ada sistem ekonomi, politik dan perundangan kerana sistem-sistem berkenaan digunakan dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada pengertian di atas terdapat sedikit perbezaan antara cita-cita dengan idealogi. Ideologi adalah satu set idea yang telah diterjemahkan dalam bentuk praktikal untuk dilaksanakan dalam sistem masyarakat. Contohnya ialah ideologi klasik yang didokongi oleh para sarjana silam seperti al-Farabi, Ibn 'Arabi, Ibn Khaldun, Aristotle, Socrates dan Karl Marx. Idea-idea mereka telah melatari sistem berpolitik atau bermegara seperti demokrasi,

⁵² Alexander Groth, Major Ideologies An Interpretative Survey Of Democracy, Sosialisme and Nationalism. New York: John Wiley, 1977, hal. 1 - 2.

⁵³ Roger Scruton, A Dictionary of Political Thought. London: Pan Books, 1982, hal. 213.

⁵⁴ Deliar Noer, Pengantar ke Pemikiran Politik. Op.cit., hal. 44.

⁵⁵ Drs Sukarna, Ideologi: Satu Studi Ilmu Politik. Bandung: Penerbit Alumni, 1974, hal. 37 - 41

autocracy, dan sistem-sistem ekonomi seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme. Sementara cita-cita adalah satu keazaman, yang belum dapat diterjemahkan dalam bentuk doktrin yang menyeluruh dan didokongi bersama oleh masyarakat. Justeru itu cita-cita menjadi fokus dan gagasan idea bersama apabila ia dapat diterjemahkan dalam bentuk ungkapan dalam sesuatu organisasi atau institusi, sama ada dalam bentuk tujuan atau dalam bentuk wawasan (vision). Walau bagaimanapun kedua-dua nilai ini tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling memerlukan dan berhubungkait antara satu sama lain. Ibarat seperti ruh dengan jasad. Ruh tidak akan berfungsi seandainya jasad tidak wujud dan jasad tidak akan bermakna kalau ruh tidak berperanan.

Secara umumnya cita-cita dan ideologi politik adalah sifat semula jadi manusia, masyarakat dan alam; ia telah menentukan bagaimana manusia boleh berkelakuan atau berfikir. Berlakunya kepelbagaian faham dalam masyarakat, dan lahirnya pelbagai ideologi dalam sistem politik adalah disebabkan oleh manusia yang mempunyai keinginan atau cita-cita yang berbeza, sama ada dari aspek politik, ekonomi dan perundangan ataupun corak masyarakat yang hendak mereka bentuk. Seperti lahirnya faham sistem liberal-demokratik,⁵⁶ fasisme dan totalitarianisme adalah lahir daripada pertentangan kelas atasan dan bawahan.⁵⁷ Sementara Nasionalisme⁵⁸ pula berpunca daripada semangat kepuakan yang lahir daripada perbezaan idealogi politik dan cita-cita politik di kalangan masyarakat. Ringkasnya ideologi dan cita-cita politik dapat digandingkan sebagai satu gagasan idea yang jelas, tersusun dan

⁵⁶ C Wright Mill, The Power Elite. London: Oxford University Press, 1956, hal. 250. Lihat juga Geraint Parry, Political Elite. London: George Allan And Unwin, 1969, hal. 25.

⁵⁷ Untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk Alexander Grey, The Socialist Tradition: From Moses To Lenin. London : Longmans, 1974, hal. 47. Lihat juga J L And Barbara Hammond, The Rise Of Modern Industry. London: Methuen, 1966, hal. 58.

⁵⁸ Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai fahaman ini sila rujuk Hans Kohn, Nationalism : Its Meaning and History. New York : Van Nostrand Reinhold, 1965. Lihat juga Rupert Emerson, From Empire to Nation : The Rise to Self-Assertion of Asian and African Peoples. Boston : Beacon, 1960.

sistematik boleh diaplikasikan dalam kehidupan sama ada secara individu dan masyarakat dalam bidang politik, ekonomi, sosial, agama, psikologi dan budaya.⁵⁹

Huraian tersebut menunjukkan cita-cita dan ideologi memainkan peranan penting dalam hidup manusia sama ada secara individu atau bermasyarakat.⁶⁰ Pada peringkat individu, cita-cita memberi ransangan untuk manusia melakukan sesuatu tindakan, dan tindakan itu akan mencerminkan cita-cita yang mereka miliki. Dan manusia akan puas apabila cita-citanya tercapai, walaupun dilaksanakan secara bersama.

Pada peringkat masyarakat, cita-cita dan ideologi berperanan sebagai jambatan untuk mencipta perpaduan, dan mewujudkan semangat kekitaan (*esprit de corps*) di kalangan anggota masyarakat. Sentimen ini timbul kerana mereka memiliki titik persamaan cita-cita dalam sesebuah organisasi. Di samping itu, cita-cita berperanan menjadi motivasi atau penggerak kepada sesuatu tindakan. Apabila cita-cita organisasi menjadi satu, maka ia akan mewujudkan ikatan persaudaraan, semangat kekitaan, rasa kasih sayang di kalangan anggota, yang akhirnya akan memupuk rasa komitmen sosial yang tinggi di kalangan anggota masyarakat atau organisasi. Lahirnya teori-teori politik ada hubungkaitnya dengan persoalan yang telah dikemukakan di atas, al-Farab dengan teori 'Madinah al-Fadilah',⁶¹ Ibn Khaldun membawa teori 'al-Hadarah' atau 'al-'Umran',⁶² al-Mawardi,⁶³ Ibn Taymiyyah,⁶⁴ dan Rashid Rida,⁶⁵ yang

⁵⁹ Untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk A Dabrehdorf. Class and Class Conflict in Industrial Society. London : Routledge and Kegan Paul, 1972.. Lihat juga R Collins. Conflict : Sociology Towards an Explanatory Science. New York : Academic Press, 1975.

⁶⁰ Dalam tulisan yang dikemukakan oleh Apter, beliau melihat ideologi, tetapi bagi penulis ideologi adalah datang daripada sikap yang berpuncu daripada cita-cita atau keinginan sebagaimana yang telah dikemukakan dalam huraian yang lepas. Untuk melihat peranan ideologi, sila rujuk David E Apter. Ideology and Discontent. New York : 1964, hal. 18 - 21.

⁶¹ Abu Nasr al-Farabi. Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah diedit oleh al-Bir Nasri Nadir, cet. 2, Beirut: Dar al-Masyariq, 1968, hal. 151. Lihat juga al-Farabi, Kitab al-Sivasah al-Madiniyah, diedit oleh Fauzi Najjar, Beirut: al-Matba'ah al-Kathulikiyyah, 1964, hal. 87

⁶² Abdul Rahman b Khaldun, Mukaddimah, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, 1969, hal. 200

membicarakan teori kepimpinan. Demikian pula para sarjana bukan Islam seperti Socrates yang mengenengahkan teori keadilan, Plato mencetuskan teori kebaikan⁶⁵ dan Aristotle teori kenegaraan.⁶⁶ Teori-teori tersebut diwujudkan bertujuan untuk merangka satu sistem politik yang sesuai dengan kehendak dan cita-cita politik manusia secara bersama.⁶⁷ Juga untuk mempermudah tindakan-tindakan yang akan dilakukan sama ada secara orang perseorangan ataupun organisasi dalam masyarakat

1.6 Islam dan Cita-cita Politik

Pada prinsipnya cita-cita politik individu dan organisasi Islam perlu menepati apa yang telah digarisi oleh Allah swt sama ada melalui al-Qur'an atau Sunnah Rasulullah saw. Umat dan organisasi Islam perlu memiripkan cita-cita mereka sejajar dengan matlamat yang telah digarisi itu, sesuai dengan penciptaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah swt. Ini bertepatan dengan firman Allah swt bermaksud;

⁶³ Untuk memahami lebih lanjut sila rujuk Abu al-Hasan Ali b Muhammad b Habib al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah al-Wilavat al-Diniya, cet. 2, Misr : al-Babi al-Halabi, 1966.

⁶⁴ Sila rujuk Taqi'u al-Din Ahmad, Ibn Taimiyah, al-Siyasah al-Syar'iyah fi Islah al-Ra'I wa al-Ra'iyyah. Tahqiq oleh Muhammad Ibrahim al-Bana dan Muhammad Ahmad Asyur, Misr : Dar al-Sya'ab, 1971.

⁶⁵ Sila rujuk Muhammad Rashid Rida, al-Khalifah wa al-Imam al-'Uzm, Kaherah : Matba'ah al-Manar, 1922.

⁶⁶ William Ebenstein, Great Political Thinkers : Plato to the Present, Edition 3, New York : Holt, Rinehart And Winston, 1960, hal. 68.

⁶⁷ Aristotle, The Politics, edited by Benjamin Jowett, New York: The Modern Library, 1943, hal 138 - 139. Lihat juga John Herman Randall, Reading in Philosophy, New York : Barnes And Noble, Inc, 1959, hal. 243 - 244.

⁶⁸ Lihat Q., al-Baqarah (2) : 30., Q., al-Sad (38) : 26., Q., al-An'am (6) : 169., Q., Yunus (10) : 73., Q., al-Fatir (35) : 39., Q., al-Nahl (27) : 62., Q., al-'Araf (7) : 69 dan 74.

*Dan tidak patut bagi laki-laki yang beriman dan tidak pula bagi perempuan yang beriman, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu ketetapan akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barang siapa mendurhakai Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat yang nyata.*⁶⁹

Sarjana Islam pada amnya sependapat bahawa sikap umat dan organisasi Islam apabila berhadapan dengan persoalan tersebut ialah mentaati apa yang telah ditentukan. Maksudnya apabila sesuatu perkara itu sudah diperundangkan oleh Allah swt dan diberi penjelasan oleh Rasulullah saw, tidak sepatutnya umat Islam berselisih pendapat dan mencari sesuatu yang lain sebagaimana yang telah ditentukan itu.⁷⁰ Ini bersesuaian dengan firman Nya, bermaksud:

....*Tuhan kami dan kepada engkaulah tempat kami kembali* ⁷¹

Ada empat cita-cita politik yang menjadi fokus umat dan organisasi Islam, iaitu melaksana keadilan, menegak kebenaran dan menghapuskan kemungkaran, merealisasikan syariat Allah dan mewujudkan sistem masyarakat yang aman. Pelaksanaan keadilan adalah perintah Allah swt dalam semua perkara. Umat Islam bertanggungjawab memastikan keadilan dapat dilaksanakan dan dinikmati oleh setiap makhluk. Mengikut Muhammad Asad, tujuan negara Islam adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sentiasa mengamalkan kebijakan dan keadilan, seta menolak sebarang bentuk kebatilan.⁷² Mengikut Muhammad Iqbal, politik Islam adalah bertujuan untuk mengimplementasikan suatu aktiviti demi kebaikan umat keseluruhannya dalam usaha untuk meningkatkan hidup manusia, keutuhan masyarakat dan

⁶⁹ Q., al-Ahzab (33) : 36.

⁷⁰ Said Hawwa, al-Asas Fi al-Tafsir, jld. 8. Kaherah : Dar al-Salam Li Tibah wa al-Nasyar wa al-Tauzi , 1985, hal. 4442.

⁷¹ Q., al-Baqarah (2) : 285.

⁷² Muhammad Asad, Manhaj al-Islam Fi al-Hukm, Beirut : Dar al- ilm Li al-Malayin, 1978, hal. 60

menolak sebarang ketidakadilan berlaku dalam masyarakat.⁷³ Hal ini sesuai dengan firman Allah swt bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil berbuat kebaikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepada kamu agar kamu dapat mengambil pengajaran.*⁷⁴

Berlaku adil meliputi semua perkara, dalam melaksanakan hak, mendirikan kewajipan, melaksanakan tanggungjawab, melaksanakan apa yang diwajibkan sama ada dalam politik, ekonomi, dan kemasyarakatan. Tidak ada keadilan melainkan atas perintah Allah swt dan tidak akan terlaksana keadilan melainkan dengan mendirikan kitab Allah dan Sunnah Rasulullah saw".⁷⁵ Nilai keadilan mestilah meliputi semua pihak dan manusia, tanpa mengira tahap kedudukan dan ketegori manusia. Seperti firman Allah swt bermaksud;

*...damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah...*⁷⁶

Al-Tabari telah menghuraikan ayat 58 dari surah al-Nisa bersabit dengan adil ditujukan kepada para pemerintah supaya melaksanakan keadilan kepada siapa sahaja.⁷⁷ Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh al-Razi dalam menghuraikan ayat yang menyentuh soal keadilan seperti ayat surah al-Nisa: 58, al-An'am : 152, al-Nahl : 90 dan Sad : 26 yang

⁷³ Muhammad Iqbal, Muhammad Iqbal and the Islamic State in Voice of Resurgent Islam, edited by John L Esposito, London : Oxford University Press, 1983, hal. 178.

⁷⁴ Q., al-Nahl (16) : 90.

⁷⁵ Said Hawwa, Op.cit., Jld. 6, hal. 2988.

⁷⁶ Q., al-Hujurat (49) : 9. Lihat juga Q., al-Nisa (3) : 58.

⁷⁷ Abu Ja'far Muhammad b Jarir al-Tabari, Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an. Tahqiq oleh Mahmud Muhammad Syakir, Jld. 5, Misr : Dar al-Ma'arif, tanpa tarikh, hal. 86.

memperlihat tentang kewajipan melaksanakan keadilah sehingga ke atas Nabi,⁷⁸ dan yang melibatkan musuh sekalipun.⁷⁹

Bercita-cita untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan sebarang bentuk kemungkaran termasuk dalam bidang politik. Umat Islam dibangkitkan juga sebagai penguasa dan pentadbir bagi alam,⁸⁰ dan Allah swt menuntut:

*Mereka menyuruh kepada yang baik, dan mencegah dari yang mungkar dan bersegeralah kepada (mengerjakan) pelbagai kebaikan, mereka itu termasuk orang-orang yang saleh.*⁸¹

Maksud menyuruh yang baik dan mencegah kemungkaran dalam ayat ini mengikut pendapat al Tabari adalah dengan melakukan dakwah iaitu mendorong manusia supaya melakukan apa yang telah ditetapkan oleh Allah swt dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.⁸²

Umat Islam bertanggungjawab melakukan penyeruan supaya masyarakat melakukan kebaikan dan memberi inzar atau peringatan supaya umat tidak melakukan keburukan. Pesanan Rasulullah saw ketika mengutuskan Mu'az bin Jabal ke Yaman dengan jelas membawa mesej ini, sabdanya yang bermaksud:

Ya Mu'az hendaklah kamu mengajarkan kitab Allah, membaiki adab mereka meletakkan kedudukan manusia sesuai dengan mereka, melaksanakan perintah

⁷⁸ Al-Imam Fakhru'l-Din al-Razi, Mafatih al-Ghaib (al-Tafsir al-Kabir), cet. 3, jld. 8. Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t, hal. 195.

⁷⁹ Muhammad Diya'uddin al-Rai's, Dr. al-Nazariyah al-Sivasiyah al-Islamiyyah. Kaherah : Dar al-Turath, t.t, hal. 327.

⁸⁰ Banyak ayat al-Qur'an yang membincangkan soal manusia ini yang dijadikan Allah swt sebagai Khalifah, atau Imam atau Wali semuanya menyentuh soal pemerintahan. Antaranya Q., al-Baqarah (2): 30., Q., Sad (38) : 26., Q., al-An'am (6) : 169., Q., Yunus (10) : 14 & 73., Q., al-'Araf (7) : 69 dan 74.

⁸¹ Q., Ali Imran (3) : 114 .. Lihat juga Q., al-'Araf (7) : 157.

⁸² Abi Ja'afar Muhammad b Jarir al-tabari, Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Qur'an. Jid. 111, Beirut: Dar al-Fikr, 1988, hal. 56.

Allah, melaksanakan amanah dalam semua perkara, berlemah lembut dan memaafkan orang yang tidak meninggalkan hak, berilah peringatan kepada ahli kamu supaya tidak mengaibkan kamu, hapuslah amalan jahiliah dengan sunah Rasul, hidupkan Syi'ar Islam sama ada kecil atau besar, ajarkanlah mereka tentang solat, kerana ia induk Islam, ingatkan manusia tentang kiamat, ikutilah janji, kerana ia amalah yang disukai, sembahlah Allah jangan kamu takut, tunaikan janji, laksanakan amanah, tinggalkan khianat, lembutkan percakapan, berikan salam, pelihara jiran, muliakan anak yatim, baikilah amalan, pendekkan angan-angan, cintakan kiamat, kuatkan iman dan dalami al-Qur'an.⁸³

Soal pemupukan budaya cinta akan amal kebaikan dan menghindari nilai-nilai yang negatif telah disifatkan sebagai teras kepada keterlibatan pemimpin dalam masyarakat. Kata Rasulullah saw bermaksud;

Aku perintahkan supaya kamu bertaqwa dalam semua perkara, suruhlah mereka mengambil yang benar sebagaimana Allah perintahkan, gembirakanlah manusia melakukan yang baik, dan suruhlah mereka melakukannya, dan ajarkanlah manusia tentang al-Qur'an dan dalamilah isi kandungannya, tegahlah manusia memegang al-Qur'an melainkan dalam keadaan suci, lembutkanlah manusia dengan kebenaran, hindarkan umat daripada kezaliman, gembirakanlah manusia dengan syurga dan beramallah dengannya. Berilah peringatan kepada manusia tentang neraka dan amalan-amalan yang membawa kepadanya. Tunjukkanlah manusia dengan agama dan dalamilah ajarannya dan ajarkanlah manusia tentang haji sama ada yang sunat dan yang fardu...⁸⁴

Dua hadis ini memperlihatkan bagaimana Rasulullah saw telah menggarisi beberapa tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seseorang Muslim.

⁸³ Ali Abd al-Malik al-Muttaqi, Kanz al-Umal fi al-Sunan wa al-Af'al Haydrabat : al-Tiba'ah al-Thaniyyah, 1962, hal. 594 - 595.

⁸⁴ Lihat Abu Ja'far Muhammad b Jarir al-Tabari, Tarikh al-Umam Wa al-Muluk, Kaherah : Dar al-Ma'rif, Jld. IV, 1358 (H), 1727 - 1729.

Ketiga, merealisasikan syariat dan sistem perundangan yang digarisi oleh Allah swt. dan mempastikannya menjadi panduan kehidupan mereka dalam kehidupan peribadi, bermasyarakat dan bernegara. Cita-cita politik untuk merealisasikan hukum Allah swt adalah suatu yang wajib.⁸⁵ dan tanggungjawab bersama. Firman Allah swt bermaksud;

Sesungguhnya kami telah menurunkan kitab kepada kamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengedili antara manusia dengan apa yang telah diwahyukan kepada kamu, dan janganlah kamu menjadi penentangnya....⁸⁶

Dalam menghurai ayat ini, al-Tabari menyatakan, keputusan yang berkaitan dengan aspek bagaimana manusia mengatur kehidupan baik kehidupan peribadi, atau kehidupan sosialnya sama ada dalam lingkungan yang paling kecil sehingga mencakupi lingkungan yang paling luas seharusnya berada di bawah kekuasaan dan peraturan Allah swt.⁸⁷ Kerana itu manusia harus bersabar dalam menerima keputusan dan hukuman yang telah ditentukan oleh Allah swt.⁸⁸

Mereka yang gagal meletakkan cita-cita untuk merealisasikan sistem perundangan Islam dalam sistem politik akan dilihat oleh Allah swt sebagai manusia yang mendurhakai Nya. Beberapa ayat yang memerlukan persoalan tersebut tercatat dengan jelas dalam al-Qur'an.⁸⁹ Ini bermakna persoalan hukum adalah persoalan hubungan manusia dengan Allah swt.

⁸⁵ Al-Tabari, op.cit., Jld. , hal. 94

⁸⁶ Q., al-Maedah (5) . 105.

⁸⁷ Abdul Mun'im Salim, Dr. Fiqh al-Sivasi Konsepsi Kekuasaan Politik dalam al-Qur'an, Jakarta Lembaga Studi Islam dan Kemasyarakatan, 1994, hal. 178.

⁸⁸ Abu Ja'far b Muhammad b Jarir al-Tabari, Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an, Jld. 7, op.cit, hal., 44.

⁸⁹ Lihat Q., al-Nisa (4) . 59 & 67., Q., al-Maedah (5) . 44 dan 50., Q., al-Nur (24) . 51., Q., al-Qasas (28) . 70., dan Q., al-Syura (42) . 17 dan 61.

Keempat, mewujudkan satu sistem masyarakat yang aman, harmoni dan saling berkerjasama. Umat Islam dikehendaki mengelakkan permusuhan sesama manusia. Firman Allah swt bermaksud:

Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Dia lahir yang maha mendengar lagi maha mengatahui.⁹⁰

Perdamaian haruslah dijadikan agenda umat dalam menentukan kelangsungan pelaksanaan hukum agama. Perkara ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah saw, apabila baginda menguasai Madinah. Baginda telah menampilkan satu set perjanjian Madinah [Sahifah al-Madinah].⁹¹ Hal yang sama juga telah dilakukan oleh Rasulullah saw semasa perjanjian Hudaybiyah yang menyentuh soal perdamaian dan kerjasama antara Islam dengan bukan Islam.⁹²

Muslim tidak dibenarkan melihat mereka yang tidak beriman itu sebagai musuh yang tidak boleh diajak bermuafakat dan berunding dalam usaha membangunkan negara.⁹³ Allah swt menuntut kerjasama sebagai fokus dan cita-cita politik umat Islam,⁹⁴ baik di kalangan umat Islam mahupun kerjasama dan perhubungan kepada masyarakat bukan Islam.

⁹⁰ Q., al-Anfal (8) : 61.

⁹¹ Sahifah al-Madinah ialah perlembagaan yang telah dirangka oleh Rasulullah saw setelah baginda menjadi penguasa di Madinah.

⁹² H Munawir Sjadjali MA, Islam dan Tatanegara ajaran, Sejarah dan Pemikiran, Edisi 5, Jakarta Penerbit Universitas Indonesia, 1993, hal. 9 - 15.

⁹³ Walaupun banyak ayat al-Qur'an menyentuh bahawa orang-orang kafir itu sebagai musuh Allah swt dan juga musuh bagi orang yang beriman. Seperti dalam ayat al-Qur'an Q., al-Nisa' (4) : 101., Q., al-Baqarah (2) : 98., Q., al-Mumtahinah (60) : 1. Tetapi dalam masa yang sama Allah swt juga mengizinkan supaya kalangan masyarakat saling hidup harmoni dan bertolong bantu.

⁹⁴ Allah swt menyentuh soal kerjasama dalam kebijakan ini dalam beberapa ayat seperti: Q., al-Ma'edah (5) : 6., dan Q., dan al-Fath (48) : 29.

Arahan supaya dibentuk ikatan kerjasama di kalangan umat Islam tidak berdasarkan kepada sentimen kaum atau bangsa. Misalnya Rasulullah saw mampu melaksanakan Syariat Allah swt di Madinah, berdasarkan jalinan kerjasama dan saling menghormati di kalangan masyarakat di bawah satu sistem perlembagaan Madinah. Ayat-ayat yang telah dikemukakan jelas menunjukkan bahawa cita-cita politik umat Islam telah digarisi oleh Allah swt. Fazlur al-Rahman mengungkapkan :

Tujuan yang paling penting hendak dicapai oleh negara ialah mempertahankan keselamatan dan memperkuuh integrasi masyarakat dalam negara, memelihara terlaksananya undang-undang dan ketertiban serta membangunkan negara sehingga setiap warganegara menyedari tentang kemampuan mereka dan mereka bersedia untuk menyumbang kemampuan mereka itu demi kesejahteraan seluruh warganegara....⁹⁵

Gagasan ketetapan cita-cita politik ini sesuai dengan matlamat para Rasul dibangkitkan sepanjang sejarah kewujudan mereka.⁹⁶ Cita-cita mutu ini tidak boleh dirungkai malah ia menjadi dasar kepada budaya dan corak politik Islam.

Sebagai rumusan, cita-cita politik Islam adalah untuk melaksanakan keadilan sosial yang menyeluruh dalam masyarakat.⁹⁷ Cita-cita ini adalah keinginan sejagat yang menjadi naluri bagi setiap insan, kerana semua manusia datangnya daripada Allah swt, maka sudah pasti keinginan, kecenderungan dan kehendak mereka juga sentiasa bersamaan antara satu sama lain dalam perkara-perkara dasar dan fitrah⁹⁸.

⁹⁵ Fazlur al-Rahman, Konsep Negara dalam Islam dan Pembaharuan, dedit oleh Dr Mohammad Amin Rais, Kuala Lumpur : Thinker's Library Sdn. Bhd. 1984, hal. 481.

⁹⁶ Sila lihat ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh soal tujuan para Rasul itu dibangkitkan. Antara ayatnya ialah al-Baqarah (2) : 129 dan 151., Q., al-Nahl (16) : 36., Q., al-Fath (48) : 28.

⁹⁷ M Umar Chapra, Negara Sejahtera menurut Islam dan Pembaharuan, dedit oleh Dr Mohammad Amin Rais, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd. 1984, hal. 411.

⁹⁸ Lihat Abdul Mun'im Salim, op.cit., hal. 298.

1.7 Cita-cita Pemimpin

Kewajipan melaksana undang-undang Islam terletak ke atas bahu pemimpin⁹⁹. Ini bermakna pemimpin yang mempunyai cita-cita tinggi akan lebih memperlihat keinginan melaksana dasar-dasar tertentu. Begitulah sebaliknya kalau pemimpin mempunyai cita-cita rendah pasti akan turut membantutkan apa yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya. Ringkasnya apa jua perubahan yang berlaku dapat dikatakan bergantung kepada pemimpin.¹⁰⁰ Sesuatu undang-undang lebih berkebarangkalian dapat apabila pemimpin mempunyai kemahuan yang tinggi, wawasan yang jelas, dan mempunyai komitment yang kuat untuk melaksanakannya. Andai kata nilai itu wujud dalam diri pemimpin, sudah pasti sesuatu undang-undang lebih tinggi keberangkaliannya dapat dilaksanakan.

Berasaskan teori elite,¹⁰¹ masyarakat dianggap sebagai makhluk yang apati atau tidak kisah dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Malah mereka dianggap tidak mengambil berat mengenai maklumat yang sepatutnya mereka tahu umpamanya mengenai perundangan. Dalam ertikata lain, rakyat hanya tunduk dan akur kepada apa yang telah diputuskan oleh sekumpulan kecil pemimpin yang telah dipertanggungjawabkan untuk mencipta dan


⁹⁹ Dalam banyak tulisan para ulama Islam selalunya mereka ini disebut sebagai ulil al-Amr, yakni mereka yang diberi mandat oleh rakyat untuk menggubal undang-undang dan menguatkuasakannya. Lihat al-Mawardi dalam kitabnya yang terkenal Ahkam al-Sultaniyah. Mengikut barat, teori yang mengatakan perubahan itu datang dari atas ke bawah atau pemerintah adalah teori 'Elite'. Sementara orang awam atau masyarakat tidak diberi mandat untuk menentukan sesuatu undang-undang. Teori elite bermaksud kuasa menggubal dan menguatkuasakan undang-undang dipikul oleh sebahagian kecil anggota masyarakat yang dipilih untuk membuat keputusan. Golongan yang kecil ini dipilih untuk menentukan corak, rupa bentuk dan budaya sesuatu bangsa dan negara. Lihat R Dye Thomas, Theory of Democracy, California : Wadwoorth Harmon, 1970.

¹⁰⁰ Dari aspek sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Negeri Melayu Melaka adalah atas kehendak dan kemahuan Raja waktu itu. Lihat Jamil Mukmin, Melaya Pusat Penyebaran Islam di Nusantara. Op.cit., hal. 131

¹⁰¹ Teori Elite melihat rakyat sebagai mereka yang tidak berfungsi dan tidak begitu mengambil apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Mereka menyerahkan segala yang berlaku kepada pemimpin yang dipilih. Kepada golongan elitisme. dasar awam atau undang-undang tidak melambangkan permintaan ramai tetapi ia begitu banyak memberi keuntungan dan nilai kepada golongan elit. Lihat Ahmadi Atory Hussain, Politik dan Dasar awam Malaysia Kuala Lumpur, Utusan Publication, 1996, hal. 22)

melaksanakan undang-undang. Sekumpulan kecil manusia ini dilihat sebagai golongan elite yang mendapat kedudukan istimewa dalam masyarakat. Kedudukan itu diperoleh sama ada melalui pemilihan atau melalui sistem pewarisan daripada keluarga. Berdasarkan pandangan ini, undang-undang dalam sesebuah negara bukan dilambangkan atas permintaan orang ramai, tetapi lebih mirip kepada kehendak golongan pemimpin. Dalam erti kata lain, pemimpin lebih banyak mempengaruhi orang ramai sedangkan golongan massa terpaksa menerima apa yang dicita-citakannya. Model di bawah menunjukkan bagaimana golongan pemimpin memainkan peranan mereka mempengaruhi masyarakat dan seterusnya masyarakat melaksanakan dasar tersebut dalam sistem pemerintahan.

Model 1 : Pengaruh [cita-cita] pemimpin



*Model Elit : Pemimpin Mempengaruhi Pembentukan
Sesuatu Dasar*

Sumber Eugene L Cass & Frederick G Zimmer, The Hawthorne Studies: A Synopsis dim. Man and Work in Society, City, 1975 : 256

Dari sudut pandangan Islam teori ini dapat diakui sebagai salah satu pendekatan kepada pelaksanaan undang-undang Islam. Golongan elite mempunyai kuasa membentuk undang-undang dalam institusi pemerintahan dan dilaksanakan oleh jentera yang telah dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun Islam tidak menerima pandangan yang meletakkan rakyat tidak berperanan dan tidak mempunyai cita-cita untuk melaksanakan undang-undang. Pelaksanaan undang-undang bukanlah tanggungjawab pemerintah semata-mata, tetapi

adalah tanggungjawab bersama.¹⁰² Kata Umar al-Khattab khalifah Islam yang kedua: “ Tiada Islam melainkan dengan Jamaah (kesatuan), tidak ada jamaah melainkan ada pemimpin, tiada pemimpin melainkan dengan taat ”¹⁰³ Mengambil pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi’i, Imam Abu Hanifah, dan daripada kalangan ulama *ahl sunnah wa al Jamaah*, al-Mawardi mengungkapkan betapa pentingnya kewujudan institusi kepimpinan untuk merealisasikan hukum Allah swt. Justeru itu Institusi pepmimpin dilihat sebagai institusi agama oleh Qutaybah.¹⁰⁴ Maksudnya ia satu kewajipan syarak,¹⁰⁵ yang akan menentukan kelangsungan syariat dan terbinanya undang-undang Allah swt.¹⁰⁶

Satu contoh yang dapat dilihat ialah analisa yang dibuat oleh Ibn Jarir al-Tabari, menerusi surah Ali’Imran ayat mengatakan bahawa perintah Allah swt supaya Rasulullah saw tetap dengan sesuatu keputusan, sama ada dengan memilih pendapat syura atau membuat keputusan sendiri adalah suatu yang tidak boleh dipertikaikan.¹⁰⁷ Maknanya Rasulullah saw berhak membuat keputusan tanpa terikat dengan keputusan syura. Beliau berpendapat

¹⁰² Muhammad Ahmad al-Rasyid, al- Muntafaq. Beirut : Mu`assasah al-Risalah, tanpa tarikh, hal. 94.

¹⁰³ Abu Hasan ‘Ali Muhammad b Habib al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyyah. Kaherah: Mustaffa al-Babi, 1975, hal. 5

¹⁰⁴ Abu Muhamad b ‘Abd Allah b Muslim al-Qutaybah, al-Imamah wa al-Sivasah (ulasan) Taha Muhammad al-Zayni, Beirut : Muassasah al-Hilbi, 1963, hal. 6.

¹⁰⁵ Muhammad Rashid Rida, Op.cit., hal. 18.

¹⁰⁶ Ahmad b ‘Abd al-Halim b ‘Abd al-Salam b ‘Abd Allah, Ibn Taymiyyah, al-Sivasah al-Svar’iyah fi Islah al-Ra’l wa al-Ra’iyah. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t. hal. 9 - 10. Lihat juga pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, Mukaddimah. Op.cit., hal. 65 dan pendapat Abdul Kadir ‘Audah, al-Islam wa Auda’una al-Sivasah. Beirut : S yarikah al-Muttaqidah li al-Tauzi’, 1973.

¹⁰⁷ Abu Ja’far Muhammad bin Jarir Al-Tabary, Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil al-Qur’an, Jld. 7, Kaherah Dar al-Ma’arif, tanpa tarikh , hal. 346.

Rasulullah saw boleh lantaran sifatnya sebagai seorang Rasul memilih keputusannya sendiri¹⁰⁸. Justeru itu Yusof Musa tidak bersetuju dengan pendapat yang menolak keinginan pemimpin boleh mempengaruhi keputusan.¹⁰⁹ Pendapat ini disokong oleh al-Qastalani dengan melihat cita-cita pemimpin dapat mempengaruhi pelaksanaan undang-undang Islam. Sebagai contoh sifat khalifah Abu Bakr khalifah Islam pertama terhadap risalah Rasulullah saw katanya, “*Demi Allah aku akan tetap memerangi orang-orang yang membezakan solat daripada zakat yang merupakan satu tanggungjawab Muslim...*”.¹¹⁰ Demikian tindakan Umar al-Khattab Islam kedua mengungkapkan “*aku mempunyai keingin lain, aku menginginkan sejumlah orang yang hebat seperti Abu Ubaydah ibn Jarrah, Mua'az ibn Jabal dan Salim Maulana Abi Huzaifah untuk membantu aku mendaulatkan kalimah Allah*”¹¹¹. Berdasarkan kepada kenyataan ini sepanjang sejarah kepimpinan Umar al-Khattab, beliau didapati telah menyusun beberapa program menyeluruh untuk memastikan apa yang dicita-citakannya itu menjadi kenyataan.¹¹²

Tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh para sahabat inilah mendorong ulama-ulama memperakui bahawa cita-cita politik lebih berkemungkinan direalisasikan atau sebaliknya bergantung kepada kehendak pemimpin. Dalam ertikata lain, pemimpin yang tidak mempunyai cita-cita yang tinggi untuk melaksanakan undang-undang Islam pasti sukar bagi undang-undang ini dapat dilaksanakan. Berdasarkan kepada andaian ini, kebanyakan ulama

¹⁰⁸ al-Qastalami, Abi al-'Abbas Syihab al-Din, Ahmad Ibn Muhammad, Irsyad al-Sari li svarb Sahih al-Bukhari, jld. 4 Beirut: Dar al-Kitab al-'Araby, 1323H, hal. 349.

¹⁰⁹ Muhammad Yusof Musa, Nizam al-Hukm fi al-Islam, cet. 2, Kaherah: Dar al-Kitab al-Araby, t.t., hal. 173.

¹¹⁰ Muhammas S Awa, On Political System of the Islamic State, Indiana: American Trust Publication, 1980, hal. 116.

¹¹¹ Ibn Sa'd, Tabaqat al-kubra, Op.cit., hal. 20.

¹¹² Muhammad al-Bureay, Pembangunan Pentadbiran Menurut Prespektif Islam, terj. Abdullah Md Noor dan rakan-rakan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal. 222 - 232.

menyarankan soal pelaksanaan undang-undang hanya boleh dilaksanakan oleh pemimpin yang mempunyai ciri-ciri dan kualiti diri yang tinggi.¹¹³

Berdasarkan asas tersebut ulama-ulama silam seperti al-Mawardi, al-Farra dan al-Baghdadi amat menitikberatkan soal kualiti pemimpin, kerana kualiti akan mempengaruhi kecenderungan mereka, dan kewujudan cita-cita. Kalangan mereka meletakkan syarat mujahid sebagai syarat perlantikan seorang pemimpin. Misalnya, Rasulullah saw tidak melantik Abu Zar al-Ghfari sebagai Gabenor di Yaman, kerana Rasulullah saw tahu tahap keupayaan dan kemampuan yang dimiliki oleh Abu Zar.¹¹⁴ Demikian juga Abu Bakr ra menyebut soal kualiti pemimpin apabila beliau dilantik sebagai Khalifah pertama umat Islam selepas Rasulullah saw, katanya:

*Sesungguhnya aku dilantik ke atas kamu sedangkan aku bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu... .*¹¹⁵

Malah Umar al-Khattab ketika mencadangkan Abu Bakr ra sebagai Khalifah Islam pertama telah menyebut soal keyakinan beliau bahawa Abu Bakr ra mampu melaksanakan cita-cita Rasulullah saw. Umar al-Khattab melantik Musa al-As'ary sebagai gabenor di Mesir berdasarkan kepada kelayakan dan keyakinannya melaksanakan cita-cita. Kata Umar al-Khattab: “*Engkau adalah salah seorang daripada orang banyak tetapi engkau dibebani dengan tanggungjawab yang lebih berat.*”¹¹⁶ Berdasarkan kepada huraian alama-ulama alamat pula telah menyenaraikan beberapa

¹¹³ Abu Hamid Al-Ghazali, al-Iqtisad fi al-'Iqtikad, Kaherah: Matba'ah Mahmud 'Ali al-Shabih wa Auladuhu, 1962, hal. 119.

¹¹⁴ Al-Muslim, al-Sahih, vol.3, hal 1457.

¹¹⁵ Abu Muhammad Abd al-Malik b Hisham b Ayub, al - Sirah al-Nabawiyah, vol. 4, diedit oleh Taha Abdul Rauf, Berlit : al-Babi al-Halabi, 1936, hal. 21

¹¹⁶ Hasan al-Sayyid Basyuni, al-Daulah wa al-Nizam al-Hukm al-Islami, cet. 1, Kaherah, Al-lam al-Kutub, 1985, hal. 21

ciri kualiti pemimpin. Antaranya Al-Rabi' telah menyenaraikan sebelas kriteria pemimpin, iaitu;

¹¹⁷

1. Kesempurnaan anggota tubuh badan yang membolehkannya menjalankan tugas;
2. Kefahaman yang baik dan cepat menanggapi sesuatu konsep yang diajukan kepadanya;
3. Baik ingatan terhadap apa yang difahami dan didengari. Dalam ertikata lain hampir tidak melupai sesuatu;
4. Bijaksana dan pintar dalam menerangkan sesuatu dalil yang dikemukakan kepadanya;
5. Elok susunan kata dalam ucapan;
6. Cinta kepada ilmu pengetahuan, tidak berasa penat atau sukar dalam mencari ilmu;
7. Cinta akan kebenaran dan mendampingkan diri kepada pendokong-pendokongnya;
8. Berjiwa besar, berhemah tinggi dan cinta akan kemuliaan.
9. Harta akan dan kemewahan di dunia itu remeh baginya dan bersifat zuhud.
10. Cinta akan kemuliaan dan pendokongnya, benci akan kezaliman dan pendokongnya, dan
11. Keazaman yang kuat ke atas sesuatu yang hendak dilaksanakan, berani dan tidak berjiwa lemah.

Sifat yang sama juga telah diperkatakan oleh al-Farabi,¹¹⁸ Al-Mawardi,¹¹⁹ Ibn Hazm,¹²⁰ al-Baghdadi,¹²¹ dan al-Farra'.¹²² Pada mereka kewujudan , dan pencapaian cita-cita bergantung kepada latarbelakang dan ciri-ciri yang dimiliki oleh pemimpin.¹²³

¹¹⁷ Ibn Abi al Rabi', Kitab Suluk al-Malik fi al-Tadbir al-Mamalik, dedit, oleh Naji al-Takriti dlm. Naji al-Takriti al-Falsafah al-Siyasiyah 'ind Ibn Abi al-Annah, 1987, hal. 93 - 94.

¹¹⁸ Al-Farabi, Ara'u ahl al-Madinah al-Fadilah, translit dan didokumentarkan oleh Richard Walzer al-Farabi on The Perfect State Oxford: Clarendon Press, 1985, hal. 247.

Ringkasnya cita-cita pemimpin yang disandarkan kepada kualiti peribadi menjadi penentu relatif tinggi cita-cita melaksana undang-undang Islam. Sebab pemimpin yang mempunyai peribadi yang unggul dari aspek ilmu, wibawa dan komitmen akan mampu melaksana tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.¹²⁴

1.8 Pengaruh Kelompok dalam Membentuk Cita-cita

Pengaruh kelompok dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam membentuk cita-cita pemimpin. Apa yang dikehendaki oleh pemimpin ada kalanya tidak dapat dilaksanakan tanpa mendapat sokongan dan dorongan dari kelompok tertentu dalam masyarakat. Jaringan kerjasama instrumen pentadbiran dalam institusi pemerintahan penting bagi menentukan tahap cita-cita undang-undang. Rasulullah saw walaupun insan istimewa di sisi Allah swt, juga memerlukan sokongan dan dorongan daripada orang lain dalam menentukan cita-citanya. Baginda membangun, mendidik dan mengasuh pengikutnya supaya mempunyai cita-cita yang sama dengan baginda, sehingga mampu membina sebuah negara di Madinah.

Dalam pemikiran politik Islam, keamanan dan keharmonian hidup manusia adalah tugas jemaah dan tanggungjawab komuniti masyarakat. Dalam erti kata lain, rakyat haruslah bersama-sama pemimpin membentuk cita-cita dan berusaha merealisasikan cita-cita itu. Imam al-Ghazali membandingkan peladang tidak akan mampu mengerjakan sawahnya dengan

¹¹⁹ Al-Mawardi, Ahkam al-Sultaniyah, Op.cit., hal. 8

¹²⁰ Ibn Hazm, al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Mihal, Jld. 4, op.cit., hal. 108 113.

¹²¹ Abu Mansur Abd al-Qahir Al-Baghdadi, Kitab Usul al-Din, cet. 3, Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyah, 1981, hal. 272.

¹²² Abu Ya'la Muhammad b al-Husyn Al-Farra', Ahkam al-Sultaniyah, diedit oleh Muhammad Hamid al-Faqi, cet. 3, Misr : Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, 1966, hal. 20.

¹²³ Lihat tulisan-tulisan yang telah dikemukakan oleh para ulama Islam yang khusus membicarakan soal politik, hukum dan undang-undang Islam seperti tokoh al-Mawardi, Ibn Taymiyyah, dan Ibn Khaldun.

¹²⁴ Fatimi S. Q, Islam Comes to Malaysia, Singapore : Malaya Publishing Hosc. Ltd 1963, hal. 86.

sempurna melainkan mereka memiliki alat-alat pertanian lain seperti besi dan kayu, kerana peralatan itu ada hubungkaitnya dengan orang lain.¹²⁵ Berdasarkan analogi ini pengkajian pengkaji masyarakat melihat manusia adalah makhluk yang berhendak kepada hidup bermasyarakat dan manusia tidak boleh hidup secara berseorangan. Ia memerlukan sokongan dan bantuan orang lain untuk memenuhi kehendak hidupnya.¹²⁶

Al Farabi (670m - 950m) umpamanya berpendapat manusia adalah makhluk sosial yang mempunyai kecenderungan umum yang sama iaitu untuk bermasyarakat. Tujuan manusia bermasyarakat itu ialah untuk memenuhi keperluan atau keinginan rohani dan jasmani dan yang boleh mendatangkan kebahagian hidup di dunia dan di akhirat. Kata al-Farabi

Setiap seorang manusia itu menurut fitrahnya berkehendakkan kepada masyarakatnya untuk mencapai kesempurnaan yang terbaik. Ia tidak mungkin dapat menyelesaikan semua perkara dengan dirinya sendiri, ia berhajat kepada kaumnya yang mana setiap orang daripada mereka itu boleh menyelesaikan apa yang dihajati, setiap orang beginilah keadaannya yakni perlukan kepada sikap tolong menolong, jika tidak mereka tidak akan mencapai kesempurnaan¹²⁷

Kesempurnaan hidup manusia akan tercapai apabila anggota masyarakat mempunyai cita-cita yang sama saling membantu dan menghimpunkan segala tenaga, bagi menghasilkan sesuatu yang terbaik dalam apa yang mereka perlukan. Al-Farabi membayangkan masyarakat itu seumpama satu tubuh badan yang mempunyai cita-cita yang sama untuk mendapatkan kesempurnaan. Seluruh tubuh akan saling tolong menolong dan berkerjasama untuk

¹²⁵ Abu Hamid bin Muhammad al-Ghazali, Ihya' 'Ulum al-Din, dalam bab *Kitab al-Sya'ab al-Iqtisad fi al-'Iktaqadi*, (terj.) Indonesia : Penerbitan, Asli. 1986., hal. 20

¹²⁶ Dari segi ilmu sosiologi, kecenderungan manusia semula jadi itu disebut sebagai gregariousness, dan manusia juga dipanggil sebagai *social animal*, kerana naluri ini telah terbukti wujud sejak manusia dilahirkan lagi, malah semasa mereka lahir telah mempunyai dua hasrat utama yang tertanam dalam diri mereka iaitu berkeinginan untuk salah satu manusia yang berada di sekelilingnya. Kedua keinginan untuk memiliki sesuatu maddi di alam sekeliling mereka. Lihat Soerjono, Sosiologi : Satu Pengantar. Jakarta: Yayasan Penerbit, Cet. 3, 1974, hal. 77 -78.

menyempurnakan kehidupannya. Setiap anggota masyarakat mempunyai kelebihan dan kekuatan tersendiri yang berlainan antara satu sama lain.¹²⁸ Maksudnya apabila tubuh badan itu dalam keadaan sihat, maka masing-masing anggota berusaha memperbaikinya untuk mencapai kesempurnaan hidup. Tetapi apabila salah satu anggota dalam diri manusia itu sakit ia akan memberi kesan kepada anggota yang lain. Sesuai sekali dengan sabda Rasulullah saw yang bermaksud:

Perumpamaan bagi orang yang beriman itu adalah seperti seorang manusia, jika matanya sakit, yang lain akan turut kesakitan, dan jika kepalanya sakit yang lain akan turut sakit juga...¹²⁹

Ibn Khaldun (1332m - 1406m) menyatakan bahawa cita-cita individu wujud apabila manusia mempunyai kepentingan ke atas sesuatu. Katanya: *adalah mustahil bagi seseorang itu boleh mendapat keperluannya tanpa meminta pertolongan daripada orang lain, kerana keupayaan seseorang itu terhad dan terbatas mengikut kemampuan yang mereka miliki.*¹³⁰

Maskawikh berpendapat ada kecenderungan manusia yang bersamaan, mereka perlu hidup bersama dalam memenuhi kehendak masing-masing. Timbulnya sifat tolol menolong, bantu membantu dan berkerjasama satu sama lain adalah untuk menjaga kepentingan diri dan kepentingan masyarakat. Katanya lagi : "semakin tinggi semangat ini, semakin erat kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat, kerana ketidakmampuan manusia mendorong mereka

¹²⁷ Abu Nasr Muhammad b Awzalaqah bin Tarchan Al-Farabi, Kitab Ara Ahl al-Madinah al-Fadilah, disunting oleh Albert Nasri Nadir, Beirut: Dar al-Masyriq, 1988, hal. 117. Kenyataan yang sama juga diperkatakannya dalam Kitab Tahsil al-Sa'adah, Hyderabad: Krachi 1346H, hal. 14 - 15.

¹²⁸ Al-Farabi, al-Madinah al-Fadilah, Ibid., hal. 118

¹²⁹ Abu Zakariya b Sharaf al-Nawawi, Riyad al-Salihin, Vol. 1, Kerachi : International Islamic Publisher Ltd, 1983, hal. 135.

¹³⁰ Muhammad b Khaldun, Mugaddimah, Op.cit., hal. 69

bertindak mencari orang lain untuk menyempurnakan kepentingan mereka.¹³¹ Ikhwan al-Safa berpendapat masyarakat adalah lahir daripada gabungan cita-cita bersama yang kuat sehingga melahirkan ikatan persaudaraan antara mereka dan hidup saling membantu antara satu sama lain, kerana itu kerjasama dalam masyarakat bukan sahaja boleh berlaku di antara individu dengan individu tetapi juga terjalin antara organisasi dengan organisasi lain.¹³²

Al-Rabi¹³³ membawa teori yang sama tetapi melalui pendekatan kepada perbezaan yang terdapat pada manusia. Bagi al-Rabi¹³⁴ walaupun manusia pada asasnya perlukan bermasyarakat, tetapi mereka tidak mempunyai cita-cita yang sama. Ketidaksamaan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kehidupan manusia, seperti faktor iklim, lingkungan tempat dan makanan. Akibat ketidaksamaan itu, manusia saling bergantungan satu sama lain untuk mencapai apa yang mereka kehendaki. Misalnya al-Farabi,¹³⁴ melihat pola pemikiran, pembentukan watak, perilaku dan kecenderungan manusia terbentuk melalui proses pemakanan. Kata beliau walaupun manusia itu berlainan dari aspek fungsi dan cita-cita tetapi ia tidak dapat wujud secara sendirian, sebaliknya mereka memerlukan bantuan orang lain, dalam proses membentuk kemahuan mereka.¹³⁵

Antara faktor yang mempengaruhi pembentukan cita-cita manusia ialah; pertama, kelemahan dalam diri manusia. Antara sifat kelemahan manusia yang digambarkan dalam

¹³¹ Ahmad Maskawiyh, Tahdhib al-Akhlaq. Beirut: Matab'e Dar al-Maktabah al-Hayah, 1967, hal. 18.

¹³² Ikhwan al-Safa, Rasa'il Ikhwan al-Safa, 4 Vol. Diedit oleh Khayr al-Din al-Zirikli, Misr : Matba'ah al-'Arabiyah, 1922, hal. 84.

¹³³ Lihat al-Ghazali, al-Ma'arif al-Aqliyah, diedit oleh Abd Karim Othman, Damshiq: Dar al-Fikr, 1963, hal. 74 - 75. Pendapat al-Rabi¹³⁴ ini dikutip oleh A Munawir Sjadjali, Islam dan Tatanegeara, Ajaran dan Pemikiran. Jakarta: Universitas Indonesia, 1993, hal. 44.

¹³⁴ Ibid., hal. 51

¹³⁵ Al-Mawardi, Abu Hassan, Adab al-Dunya wa al-Din. Beirut: Dar al-Fikr, t.t, hal. 60.

Qur'an ialah lebih mementingkan diri sendiri¹³⁶, sering melakukan keburukan¹³⁷. Manusia adalah makhluk yang tidak kekal,¹³⁸ makhluk yang tidak sabar, bersifat tergesa-gesa¹³⁹, gopoh,¹⁴⁰ tidak bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah swt,¹⁴¹ mempunyai perasaan tamak dan pendendam,¹⁴² suka mengata orang lain dan membantah,¹⁴³ dan mempunyai sifat zalim, bodoh dan suka menzalimi orang lain.¹⁴⁴

Malik Bennabi berpendapat, manusia mempunyai beberapa kelemahan antaraanya kelemahan berfikir dan bertindak, kelemahan semangat dan gerak tindak, kelemahan moral, sosial, dan politik, kelumpuhan moral yang boleh menyebabkan kelumpuhan intelek. Katanya apabila seseorang itu berhenti berusaha menyempurnakan diri, ia juga berhenti berusaha untuk merubah keadaan kehidupan¹⁴⁵. Ini memberi erti manusia adalah makhluk yang tidak mempunyai keupayaan untuk membentuk dan melaksanakan cita-cita secara bersendirian,

¹³⁶ Q., Yunos (10) : 12.

¹³⁷ Q., al-Hijr (15) : 33.

¹³⁸ Q., al-Hajj (22) : 5.

¹³⁹ Q., al-Isra (17) : 11.

¹⁴⁰ Q., al-Anbia' (21) : 37.

¹⁴¹ Q., al-Isra' (17) : 67.

¹⁴² Q., al- Isra' (17) : 100.

¹⁴³ Q., al-Kahf (18) : 54.

¹⁴⁴ Q., al- ahzab (33) : 72.

¹⁴⁵ Malik Benn Nabi, Islam dalam Sejarah dan Masyarakat (terj) Ismail Abas, Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka, 1994, hal 101 - 107

melaikan mereka mendapat bantuan Allah swt. dan bantuan orang lain. Manusia secara peribadinya belum boleh mencapai cita-cita mereka secara individu.¹⁴⁶

Justeru itu Ibn Rabi' menyarankan supaya setiap anggota masyarakat saling tolong membantu, kerana sifat ini akan dapat menyempumakan sesuatu perkara yang tidak dapat disempumakan dengan perkara yang lain, kerana kebolehan dan kemahuan individu adalah berbeza dan pelbagai¹⁴⁷. Dalam mengulas pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyah, Lukman Taib menyatakan bahawa hasrat atau cita-cita manusia wujud bergantung atas kerjasama dalam setiap masyarakat tanpa mengira keturunan, bangsa dan budaya kerana ia adalah nilai semula jadi manusia, meniru orang lain untuk membentuk sikap dan cita-cita mereka.¹⁴⁸ Ini bermakna gabungjalin dan kerjasama amat diperlukan dalam masyarakat kerana ia adalah suatu syarat yang amat penting dalam membangun dan merealisasikan sesuatu cita-cita.

Huraian di atas jelas memperlihat bahawa cita-cita manusia boleh terbentuk melalui hubungan pelbagai hala antara individu dalam masyarakat.¹⁴⁹ Imam Al-Ghazali melihat kecenderungan manusia berkerjasama adalah untuk membentuk dan memenuhi kehendak mereka seharian, tetapi keperluan hidup yang pelbagai ragam menyebabkan mereka bukan sahaja hanya bergaul tetapi mempengaruhi satu sama lain dalam membentuk cita-cita.¹⁵⁰

¹⁴⁶ I. A Richards, Plato's Republic, Cambridge : University Press, 1966, hal. 396 - 372.

¹⁴⁷ Ibn Abi al-Rabi', Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad Abi al-Rabi', *Suluk al-Malik fi Tadbir al-Mamatik*, dlm Najī al-Tikritī al-Falsafah al-Siyasah 'Ind Ibn al-'Arabī al-Rabī' cet. 3, Baghdad: Dar al-Su'un al-Thaqafah al-Ammah, 1987, ha. 157.

¹⁴⁸ Libat Lukman Thaib, Political System of Islam, Kuala Lumpur: Penerbit Amal, 1994, hal. 14.

¹⁴⁹ Kamaruddin Khan, Pemikiran Politik Ibn Taymiyyah, Bandung: Pustaka Salman ITB, 1993, hal. 207.

¹⁵⁰ Imam Al-Ghazali, al-Ma'arif al-Aqliya Edit by Abdul Karim Othman, Damshik : Dar al-Fikr, 1963, hal. 74 - 75.

Teori kerjasama ['ta'awun'] yang wujud dalam ajaran Islam timbul apabila manusia mempunyai cita-cita bersama. Kerjasama lebih diperlukan apabila cita-cita yang hendak dicapai itu sesuatu yang besar dan tidak mampu untuk dilakukan seorang diri. Misalnya kewujudan sebuah negara adalah hasil daripada cita-cita bersama antara individu yang ada dalam sesuatu kawasan. Al-Maududi berpendapat sebuah negara itu terbentuk hasil daripada cita-cita yang sama antara individu dan masyarakat dalam kawasan tertentu. Katanya: " *Prinsip asas dalam pembinaan sesebuah negara hasil terdapatnya ciat-cita yang sama sehingga mencetuskan sikap kerjasama sesama individu dalam masyarakat*"¹⁵¹

Kejayaan cita-cita tidak mungkin akan tercapai kalau manusia menolak sikap dan tanggungjawab bersama. Inilah yang diperkatakan oleh Hanna al-Fakhuri mengenai rupa bentuk masyarakat yang akan menjadi wasilah dan perantaraan kepada pembentukan sesuatu cita-cita.¹⁵² Berdasarkan kepada kenyataan ini Rosenthal dalam meneliti pendapat al-Farabi menyatakan sikap berkerjasama dan berorganisasi secara harmoni itulah yang diperlukan dalam pembentukan sebuah negara. Ini kerana cita-cita inginkan kebahagiaan dan kesempurnaan hidup hanya dapat dicapai dengan adanya sebuah organisasi politik yang berperanan menguruskan segala masalah kemasyarakatan dan kenegaraan dalam semua segi.¹⁵³ Dalam ertikata lain, manusia adalah sebahagian daripada negara, dan mereka tidak boleh hidup tanpa mereka memberikan sumbangan yang bermakna kepada negara.¹⁵⁴

¹⁵¹ Abu 'Ala al-Maududi, Political Theory of Islam. Lahor: Islamic Publications LTD. 1968, hal. 20.

¹⁵² Hanna al-Jar Khalil al-Fakhuri, Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyah. Beirut : Muassasah al-Badrani wa Shurakahu. 1963, hal. 414.

¹⁵³ Rosenthal, Erwin Ishak Jakob. Political Thought in Medieval Islam; An Introductory Outline. Cambridge (England): University Press. 1968, hal. 125 - 126.

¹⁵⁴ Kata Rosenthal : " Man therefore, a part of the state, to its maintenance and functioning in his own as well as a whole to be a citizen is part of the purpose of man. This undoubtedly goes beyond the commonly made assertion that man is a 'zoon politon' or whilst all the falasifa agree that man cannot exist by himself, he needs help and support to obtain food, clothing and dwelling this only means that man must joint with other and from a society built upon the principle of mutual help to obtain the necessities of life.

Ibn Khaldun menyarankan agar masyarakat dalam sebuah negara dibangkitkan dengan semangat kekelompokan atau lebih dikenali dengan sikap 'asabiyah'. Pada Ibn Khaldun semua orang mempunyai dan memiliki kebanggaan pada keturunannya, saling rasa sayang dan saling mengagumi antara satu sama lain. Ini adalah sifat semula jadi manusia yang tidak boleh dinafikan.¹⁵⁵ Sifat 'asabiyah' bagi Ibn Khaldun bukan suatu yang salah dalam agama, kerana ia banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan. Sifat ini bukan sahaja lahir dari ikatan daerah, keturunan, tempat tinggal, persatuan dan persahabatan tetapi atas dasar rasa keagamaan. Justeru itu solidariti umat adalah suatu yang perlu dipupuk dalam jiwa dan hati nurani umat. Kata Ibn Khaldun adalah suatu yang jarang-jarang terjadi sebuah pemerintah itu terbentuk dalam kepelbagaiannya agama, bangsa dan kehendak melainkan adanya sifat kesolidaritan tersebut.¹⁵⁶

Negara memerlukan solidariti umat agar ia berupaya menghadapi sebarang bentuk pencerobohan daripada musuhnya dan melaksana cita-cita bersama. Rafa'ah al-Badawi mengulas, kemajuan sesuatu tanah air memerlukan pengabdian rakyatnya yang bertempat tinggal di wilayah tanah air mereka.¹⁵⁷ Teori umat sempurna oleh al-Farabi membuktikan bahawa komponan-komponan yang wujud dalam masyarakat perlu mempunyai cita-cita yang sama. Justeru itu kesempurnaan masyarakat akan dapat dicapai apabila individu dan organisasi dalam masyarakat saling berkerjasama.¹⁵⁸

Huraian di atas jelas memperlihat cita-cita politik bukan sahaja dapat dibentuk melalui latarbelakang pemimpin, tetapi juga terbentuk melalui pengaruh dan cita-cita majoriti umat.

Lihat Rosenthal, *Some Aspect of Islamic Political Thought*, dlm Islamic Culture Vol xxii, No. 1, January 1948, hal. 7.

¹⁵⁵ Ibid., hal. 138 - 139.

¹⁵⁶ Ibn Khaldun, Op.cit., hal. 69

¹⁵⁷ Rafa'ah al-Badawi Tafsi al-Tahtawi, Tanah Air dan Perasaan Cinta kepada Tanah Air dlm., Islam dan Pembaharuan Kuala Lumpur Thinker's Library, cet. 1, 1984, hal. 2

¹⁵⁸ Al-Farabi, Op.cit., hal. 51

Kedua-dua kuasa rakyat dan pemerintah mempunyai kekuasaan tersendiri dan berfungsi mengikut adab dan peraturan tersendiri. Bagi Islam, suara majoriti dan kedaulatan kuasa pemimpin adalah gabungan kuasa yang memantapkan sesuatu tanggungjawab.

Seperti teori fungsian [*functional theory*] sebagai suatu pola perhubungan di dalam satu-satu unit sosial yang stabil dan mempunyai identiti tersendiri, setiap pola ini mampunyai fungsi-fungsi tertentu bagi individu dalam masyarakat yang saling mempengaruhi.¹⁵⁹ Menurut Malinowski, semua trait dalam masyarakat mempunyai fungsi-fungsi yang bersatu padu dan dapat diselaraskan.¹⁶⁰

David Truman melihat kelompok yang berkepentingan mempunyai cita-cita yang bersamaan dan membuat tuntutan ke atas kelompok yang lain dalam masyarakat. Teori ini menunjukkan bahawa individu adalah penting dalam politik, apabila mereka bertindak sebagai sebahagian atau bagi pihak kelompok yang berkepentingan.¹⁶¹

Earl Lathnam berpendapat bahawa pengaruh kelompok dalam membentuk cita-cita akan lebih berkesan apabila jumlah mereka yang menuntut dalam jumlah kuantiti yang ramai, berkeupayaan dari aspekkekayaan, kekuatan organisasi, kualiti kepimpinan dan mempunyai hubungan yang mudah dengan pembuat keputusan atau dasar.¹⁶² Dalam erti kata lain, kelompok memainkan peranan yang penting dalam membentuk cita-cita individu atau kelompok yang lain. Para ulama telah menggunakan teori fungsian dalam banyak tempat. Umpamanya kerjasama antara masyarakat menyebabkan terwujudnya sesebuah negara. Negara terbentuk adalah hasil gabungan antara laki-laki dan perempuan yang melahirkan keluarga. Apabila keluarga

¹⁵⁹ Untuk melihat lebih luas dan lanjut tentang teori ini sila lihat J H Turner, *Functionalism* California: Benjamin Cummings Publication., Co., 1979.

¹⁶⁰ Fatimah Daud, *Pengenalan Teori Sosiologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, Sdn Berhad, 1992, hal. 14.

¹⁶¹ David Turman, *The Governmental Process*. New York: Knoff, 1951.

¹⁶² Sila rujuk Hebert Spencer, *On Social Revolution*. Op. cit., hal. 30.

berkembang, maka wujudlah masyarakat, dan apabila masyarakat membesar akan lahir sebuah negara.¹⁶³ Dalam ertikata lain, setiap kelompok masyarakat mempunyai pengaruh dalam mewujudkan cita-cita.

Model 11



Model Kumpulan: dalam mempengaruhi undang-undang

Sumber Eugene L Cass & Frederick G Zimmer, The Hawthorne Studies: A Synopsis dim. Man and Work in Society. City. 1975 : 256

Rajah di atas menunjukkan bagaimana pengaruh masyarakat atau kelompok memainkan peranan penting dalam merubah sesuatu dasar dan membentuk pola cita-cita politik kerajaan. Tekanan kelompok ini akan mempengaruhi pengubalan sesuatu dasar yang hendak dilaksanakan oleh pemimpin dalam sebuah negara.

Huraian di atas memperlihat cita-cita memainkan peranan penting dan pendorong kepada manusia untuk melakukan sesuatu tindakan. Dan setiap tindakan akan lebih terarah sekiranya manusia mempunyai cita-cita yang jelas, terarah dan mampu untuk dilaksanakan.

¹⁶³ Untuk mendapat keterangan lanjut dari aspek sejarahnya sila rujuk Hasan Ibrahim Hasan Dr. Tarikh Islam al-Siyasi Wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i Kaherah Matba ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, 1968.

Setiap manusia berakal fitrah semulajadinya mempunyai cita-cita tersendiri yang telah ditentukan oleh Allah swt. Pasang surut cita-cita manusia bergantung kepada latarbelakang pendidikan, tekanan kumpulan dan persaingan persekitaran yang melingkunginya. Tinggi kebarangkalian cita-cita manusia untuk melaksana undang-undang Islam bergantung rapat kepada faktor pendorong kepada kewujudan cita-cita.

1.9 Krangka Konseptual

Persoalan sebenar kajian ini adalah untuk melihat wujud tidaknya pada skala relatif tinggi [wujud] atau relatif rendah [tidak wujud] cita-cita politik kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam di negara ini. Kalau wujud, mengapa ia tidak telaksana dan bagaimana cita-cita tersebut wujud dalam dasar dan falsafah pemerintah negara. Kalau tidak wujud, mengapakah terjadi demikian dan bagaimanakah cara hendak mengatasinya?. Persoalan ini timbul kerana cita-cita politik atau 'political will' dianggap sebagai garis penentu kepada pelaksanaan sesuatu dasar. Anggapan ini dapat dilihat dalam banyak kenyataan samaada secara bertulis atau bahasa percakapan memperlihatkan di hujung kata-katanya "kalau ada kemahuan (cita-cita) di situ ada jalan" atau " kalau hendak seribu daya kalau tidak hendak seribu dalih ". Berdasarkan maksud ini maknanya cita-cita menjadi tonggak atau penggerak kepada sesuatu tindakan atau perbuatan.

Isu ketidaksanggupan kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam bukanlah sesuatu yang baru. Sekurang-kurangnya apabila kerajaan bersedia menerima sikap sekularisme yang melibatkan pemisahan antara pentadbiran dan peradilan awam daripada pentadbiran dan peradilan agama. Tajuk ini menarik dikaji, kerana wujud keinginan yang tinggi di kalangan masyarakat Islam yang bertekad untuk mengembalikan semula peranan agama dan pelaksanaan sistem perundangan Islam.¹⁶⁴ Penyataan ini dapat dilihat pada tahun 1970-an yang memperlihat tuntutan untuk menghayati agama khususnya dalam bidang perundangan

¹⁶⁴ Lihat Zambry Abdul Kadir, Religion and Politics: The Search for Political Legitimacy of the Pan Islamic Party of Malaysia, Desertas Ph.D. di Temple University, 1995, hal. 20.

meningkat.¹⁶⁵ implikasi dari sikap ini ialah kerajaan dilihat sebagai pihak yang tidak mahu melaksana undang-undang Islam.

Kerajaan mempunyai kuasa atau autoriti dan berkeupayaan melaksana undang-undang Islam. Tetapi penyelidik tidak nampak apakah kerajaan berminat atau tidak untuk melaksanakannya. Atau apakah benar kerajaan enggan atau tidak menunjukkan sikap berminat dan konsisten melaksanakan undang-undang Islam ? bagaimanakah dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan seperti meningkatkan taraf Mahkamah Syariah, membuat pembaharuan kepada sistem perundangan, melakukan proses Islamisasi dalam sistem pentadbiran, menyelaras undang-undang Islam di semua negeri dan melahirkan tenaga mahir dalam perundangan Islam, tidak dikira sebagai satu cerminan ke arah pelaksanaan undang-undang Islam. Kalau tindakan itu sebagai satu cerminan kepada cita-cita, sudah pasti ada faktor-faktor yang mendorong kerajaan bersikap begitu. Jawapan yang lebih objektif perlu diketengahkan memandangkan wujudnya beberapa kelompok masyarakat Melayu yang berlainan pandangan dalam menangani isu ini, sehingga membawa kepada 'perpecahan' di kalangan umat Islam.

Politik Muslim berhadapan dengan krisis pemikiran dalam menangani isu pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Misalnya Isu *Kafir Mengkafir* di kalangan umat Islam telah membawa kesan perpecahan sesama sendiri. Contoh terdekat ialah peristiwa Memali 1985 yang mengorbankan 14 nyawa di kalangan pengikut Ibrahim Libya. Peristiwa ini menjadi bahan pengajaran dan catatan sejarah kesan daripada krisis pemikiran itu tadi. Satu cara untuk mengurangkan perpecahan di kalangan umat Islam ialah dengan melaksanakan usaha-usaha mencari penyelesaian dengan mempertemu dua aliran pemikiran politik iaitu PAS dan UMNO yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Satu kajian yang mendalam bagi mendapatkan satu jawapan yang tepat dan realistik untuk sekurang-kurangnya merapatkan jurang pemikiran itu perlu dilakukan. Penyelidikan ini akan cuba memberi satu sumbangan pemikiran ke arah mendekatkan perbezaan pemikiran dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

¹⁶⁵ Chandra Muzaffar, Islamic Resurgence in Malaysia, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1978, hal. 30

Kajian ini diharap dapat membantu mendekatkan polimik pemikiran ini dengan mengajukan saranan bagaimanakah undang-undang Islam dapat dilaksanakan.

Cita-cita atau kemahuan untuk mendapatkan sesuatu merupakan satu fenomena semula jadi, dan persoalan dalaman manusia [*intrinsic*] yang sukar dinilai kepada individu atau organisasi sama ada ia wujud atau tidak wujud. Namun kewujudan sesuatu cita-cita boleh diukur mengikut skala tinggi atau rendah kewujudannya berdasarkan kepada angkubah-angkubah atau petunjuk yang mencerminkan kewujudan cita-cita seperti ucapan, tingkahlaku dan pemikiran yang dapat diterjemahkan ke dalam bentuk langkah-langkah yang dilakukan, dasar-dasar yang dilaksanakan dan perubahan yang dibuat.

Undang-undang Islam adalah sesuatu yang luas, yang mencakupi seluruh nilai peraturan yang melibatkan seluruh kehidupan manusia sama ada secara individu atau masyarakat. Ia termasuklah perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga, jenayah, kontrak, keterangan, tanah, antarabangsa, perlombagaan dan undang-undang sivil¹⁶⁶. Ulama menafsirkan undang-undang [*qanun*] Islam sebagai segala hukum Allah terhadap perbuatan manusia sama ada halal, haram, makruh, sunat atau harus yang berhubung dengan hukum aqidah, akhlak dan sebagainya.¹⁶⁷ Yusuf al-Qardawi pula mendefinisikannya kepada kumpulan undang-undang atau hukum ciptaan manusia yang dikemas untuk perkara tertentu dan bidang-bidang tertentu atau sebagai satu hukum yang dibuat oleh manusia untuk mengatur perjalanan hidupnya dalam hubungannya sesama yang lain, baik secara individu, masyarakat dan negara.

¹⁶⁶ Dalam pengertian yang lain, undang-undang ialah unsur-unsur hukum yang telah dibentuk melalui proses tertentu bagi dilaksanakan melalui mekanisme yang ada mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.¹⁶⁸ Berdasarkan kepada pengertian ini undang-undang Islam

¹⁶⁶ Md Akhir Yaacob. Undang-undang Islam Kewajipan Melaksanakannya. Kota Baru: Pencipta Reka, 1997 hal. 63 – 65.

¹⁶⁷ Mohd Yusof Musa. al-Madkhali Dirasah al-Fiqh al-Islami. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadith, 1958, hal. 9.

¹⁶⁸ Yusof al - Qardawi. al-Madkhali fi Dirasat al-Syariah al-Islamiyah [terj] Muhammad Zakki. Surabaya: Dunia Ilmu Offset, 1997, hal. 20 – 21.

adalah suatu peraturan atau sistem untuk mengatur hidup manusia berdasarkan hukum-hukum yang telah diturunkan oleh Allah swt melalui kaedah-kaedah yang telah ditentukan. Ini bermakna undang-undang Islam adalah suatu yang luas dan menyeluruh yang melibatkan masa yang sangat panjang untuk membuat kajian. Justeru memang kurang bijak dan tidak praktikal dalam masa yang terbatas untuk membuat kajian tentang seluruh persoalan di sekitar undang-undang Islam.

Pada anggapan penyelidik, banyak faktor-faktor pendorong kewujudan cita-cita tersebut. Antaranya ialah wujudnya persaingan antara parti-parti politik Muslim untuk mendapatkan pengaruh undi kalangan orang Melayu, desakan organisasi Islam, kebangkitan Islam di kalangan generasi muda, kesedaran dan kecenderungan pemimpin sendiri untuk melakukan sesuatu perubahan kesan daripada latarbelakang pendidikan dan keluarga, dan pengaruh persekitaran khususnya daripada negara Islam yang telah melebalkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dinamis. Untuk menjaga imej yang telah dinobatkan itu kerajaan terpaksa melakukan sesuatu untuk memperkuuh jolokan berkenaan.

Untuk mencapai maksud di atas, penyelidik yakin akan berhadapan dengan beberapa masalah. Selain kesuntukan masa dan kewangan, penyelidik terpaksa berhadapan dengan masalah kerjasama mereka yang menjadi sasaran penyelidikan seperti ahli politik, tokoh-tokoh agama, ahli-ahli akademik bagi mereka menyediakan masa dan ruang untuk ditemuduga. Walau bagaimanapun penyelidik berusaha untuk mendapatkan khidmat mereka dalam memastikan keaslian dan keautorian penyelidikan yang bakal dilakukan. Satu lagi masalah ialah berhubung dengan beberapa perubahan yang dilakukan oleh kerajaan semasa penyelidikan dijalankan. Contohnya kenyataan-kenyataan pemimpin untuk melakukan penyelesaian Undang-undang Syariah di semua negeri. Walau bagaimanapun perubahan-perubahan berkenaan sebenarnya akan memperkuuh bukti atau hujah yang hendak dicapai dalam disertasi ini.

¹⁰⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal. 27

1.10 Metodologi Kajian

Pada asasnya kajian ini banyak bersifat kajian perpustakaan dalam bentuk pendekatan sejarah (*historical approach*). Pendekatan ini akan melibatkan kerja-kerja mengkaji penulisan terdahulu secara langsung dan tidak langsung berhubung dengan cita-cita politik dalam melaksana undang-undang Islam. Untuk maksud ini kerja yang paling utama dibuat adalah mengkaji dan menganalisa pandangan parti politik pemerintah, pandangan pemimpin melalui ucapan dan aktiviti-aktiviti kerajaan sebagai cerminan kepada komitmen kerajaan melaksana undang-undang Islam. Dilihat juga pandangan-pandangan daripada organisasi bukan kerajaan, orang perseorangan dan masyarakat bukan Islam terhadap kewujudan cita-cita kerajaan berhubung dengan undang-undang Islam. Seterusnya diambil kira sebagai ukuran kepada kewujudan cita-cita ialah peruntukan-peruntukan yang ada di Mahkamah Syariah dan Perlembagaan Persekutuan. Maklumat ini boleh didapati melalui dokumentasi-dokumentasi kerajaan dan bukan kerajaan terkumpul di Arkib Negara, Bahagian Hal Ehwal Islam [BAHEIS] Jabatan Perdana Menteri dan organisasi-organisasi yang menjadi tempat ^{telop-i} kajian. Kegiatan seperti ini tidaklah boleh disifatkan sebagai mengulangkaji penulisan terdahulu, yang lebih banyak bersifat penelitian dokumentasi untuk melihat usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Menyentuh soal ucapan untuk tujuan kajian ini, rujukan khusus dibuat kepada ucapan Presiden UMNO pada perhimpunan agung parti. Soal dasar pula dirujuk kepada perlembagaan, langkah dirujuk kepada perubahan-perubahan yang dilakukan oleh kerajaan kepada institusi agama, institusi undang-undang dan sistem yang wujud di dalamnya ke arah melahirkan tenaga mahir dalam sistem perundangan Islam dan membangunkan sistem kewangan Islam.

Kajian ini membataskan analisisanya kepada undang-undang yang lazim diperkatakan dan diketahui umum sebagai undang-undang Islam, seperti Undang-undang Keluarga, Undang-undang Jenayah, Institusi Pentadbiran Undang-undang Syariah dan Undang-undang Perlembagaan. Pada lazimnya apabila memperkata sistem perundangan Islam, yang menjadi fokus keutamaan ialah undang-undang yang telah disebutkan itu.¹⁷⁰

¹⁷⁰ Saya telah membuat soalan secara rambang kepada beberapa orang pensyarah pengajian Islam di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka dan Shah Alam untuk mereka membuat pilihan sekiranya

Untuk memperkuuh kajian ini, penyelidik berpendapat, pandangan pemimpin parti politik juga perlu diambil kira dalam menentukan tahap keinginan kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Dalam mencapai maksud ini penyelidik menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mendapatkan pandangan pemimpin politik di peringkat bahagian kerana mereka berada dalam struktur kepimpinan parti politik, dan orang perseorangan sama ada dalam bidang akademik mahupun ulama yang pakar dalam bidang undang-undang Islam. Untuk tujuan itu, satu set soalan disediakan dan diedarkan kepada 200 orang responden terdiri daripada pemimpin parti politik UMNO dan PAS di peringkat Bahagian. Daripada 200 borang soal selidik 140 diedarkan kepada pemimpin UMNO dan 60 borang kepada pemimpin parti PAS.¹⁷¹ Walau bagaimanapun jumlah borang yang dikembalikan sebanyak 177 atau 88.5 peratus sahaja, yakni 126 borang daripada pemimpin UMNO dan 51 daripada pemimpin PAS. Penyelidik memilih pemimpin sebagai responden, kerana penyelidik berpendapat pemimpin dalam mana-mana organisasi politik mempunyai pengaruh dan boleh mempengaruhi pendapat umum.

Dalam menganalisa data yang telah diperoleh, kaedah Usul al-Fiqh¹⁷² digunakan sepenuhnya. Di antaranya ialah penggunaan kaedah kemperatif iaitu kaedah givas ¹⁷³ termasuklah fiqh awlawiyat (Faham Keutamaan), fiqh al-Muwazanat (Faham Perbandingan)¹⁷⁴, fiqh al-Tatbig (Faham Pelaksanaan)¹⁷⁵ dan fiqh al-Waq'iyyat (Faham

mereka dilantik sebagai badan penguasa undang-undang apakah undang-undang Islam yang menjadi prioriti yang akan mereka laksanakan. Pada umumnya mereka memilih pengemaskinian institusi perundangan, melakukan pindaan kepada undang-undang perlombagaan, melaksana sistem muamalah Islam dan melaksana undang-undang jenayah Islam.

¹⁷¹ Pemimpin ini adalah terdiri daripada mereka yang memimpin parti politik di peringkat Bahagian.

¹⁷² Maksudnya ilmu yang berhubung dengan dasar atau punca tempat lahirnya hukum-hukum fiqh dalam sistem perundangan Islam.

¹⁷³ Maksudnya ilmu perbandingan bagaimana hendak mendapatkan sesuatu hukum antara hukum yang ada dalam al-Qur'an dengan hukum yang belum mempunyai hukum.

¹⁷⁴ Maksudnya ilmu kefahaman atau keupayaan ilmu untuk melakukan perimbangan kepentingan dan keperluan manusia dalam satu-satu hukum.

¹⁷⁵ Maksudnya ilmu yang berhubung dengan keupayaan untuk menentukan satu bentuk keputusan untuk melaksanakan sesuatu hukum.

Realiti)¹⁷⁶. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi mendapat keputusan yang munasabah kepada kajian. Kaedah ini dipakai untuk memperkuuh hujah berhubung dengan cita-cita politik dalam melaksana undang-undang Islam. Dengan meletakkan satu asas yang kukuh bahawa perbezaan pendapat umat Islam dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam bertitik-tolak daripada persoalan *furu'iyah* iaitu cabang, dan berlegar dalam batas *iijihad* kepada pelaksanaan undang-undang Islam.

1.11 Susunan Kandungan

Disertasi ini dibahagikan kepada lima bab. Setelah Bab Pertama membahaskan teori dan metodologi, disusuli pula oleh Bab Kedua yang menghuraikan latarbelakang masyarakat dan politik Muslim di Malaysia. Isu ini penting diketengahkan kerana ia menjadi dasar atau landasan teori atau konseptual dalam pembentukan cita-cita individu atau masyarakat. Mengenali masyarakat dan latarbelakang mereka adalah sesuatu yang asas dalam usaha menjustifikasi penghukuman sesuatu perkara. Di antara perkara yang dibahaskan berkisar dari aspek sejarah kedatangan Islam dan pengaruhnya dalam membentuk budaya dan pemikiran masyarakat Melayu dalam bidang sosial dan undang-undang. Juga disentuh kedatangan kolonialisme Barat dan kesannya kepada sistem nilai, budaya, undang-undang dan pemerintahan di Tanah Melayu. Ditinjau juga tentang kelahiran parti-parti politik kaum, isu-isu yang diperjuangkan, sistem pemerintah yang wujud kesan daripada kehadiran Barat. Bab ini ingin melihat bagaimanakah situasi politik dan kedudukan undang-undang di Malaysia serta kesannya nanti terhadap pembentukan cita-cita politik Muslim. Sejarah memain peranan penting kepada persoalan yang ditimbulkan.

Bab ketiga menghuraikan tahap cita-cita politik kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Perkara yang menjadi kayu ukur di sini ialah aliran pemikiran pemimpin kerajaan, undang-undang dasar iaitu undang-undang perlembagaan, dan beberapa peruntukan di dalamnya. Yang turut dianalisa ialah mengenai dasar perjuangan UMNO iaitu parti yang

¹⁷⁶ Ilmu yang berhubung dengan kemahiran untuk membaca sesuatu hukum itu bersesuaian untuk dilaksanakan kepada manusia, sesuai dengan tempat dan masa.

menjadi tulang belakang pemerintah, usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan sebagai cerminan cita-cita politik, seperti Islamisasi sistem pendidikan, sistem pentadbiran dan sistem ekonomi, melahirkan tenaga profesional dalam bidang undang-undang Islam, peningkatan bidang kuasa agama dan Mahkamah Syariah. Usaha-usaha tersebut diketengahkan sebagai satu cerminan untuk mengukur tahap cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam.

Bab Keempat membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Perkara yang akan menjadi tumpuan ialah wujudnya persaingan kuasa politik Muslim, desakan organisasi seminat, peningkatan kefahaman masyarakat kepada penghayatan agama, kecenderungan peribadi sebagai seorang pemimpin Muslim dan pengaruh daripada negara-negara Islam luar.

Bab Lima ialah bab kesimpulan dan cadangan. Bab ini menyimpulkan cita-cita dan implikasinya kepada masa depan undang-undang Islam di Malaysia. Yang turut diutarakan ialah beberapa cadangan kajian lanjut yang dapat dilakukan oleh penyelidik-penyalidik akan datang untuk memperkuuh daptan kajian ini.